

Tatakelakuan

integriti

pematuhan

menghormati

akuntabiliti

kualiti

tanggungjawab

kejujuran



Misi Boston Scientific

Boston Scientific berdedikasi untuk mengubah kehidupan melalui penyelesaian perubatan inovatif yang meningkatkan kesihatan pesakit di seluruh dunia.

Isi Kandungan

Apakah Maksud Bertindak dengan Integriti?	7
Menghayati Semangat Kod Tatakelakuan	8
Bertanya Soalan dan Suarakan Kebimbangan	10
Memimpin melalui Teladan	12
Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?	13
Berdedikasi kepada Kualiti	14
Bersikap Hormat terhadap Orang Lain	16
Hormati Harta Syarikat	18
Elakkan Konflik Kepentingan	20
Melindungi Maklumat Sulit Syarikat	23
Hormati Privasi Pesakit, Pelanggan dan Pekerja	26
Berhati-hati dengan Rekod	28
Kekalkan Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat	30
Kekalkan Persekitaran Kerja Yang Selamat	31
Bagaimanakah Integriti Menjejaskan Interaksi Perniagaan Saya Di Luar Tempat Kerja?	33
Membina Kepercayaan Perhubungan Pelanggan	34
Mengurus Pihak Ketiga	35
Berhati-hati berinteraksi dengan Pegawai Kerajaan atau Pegawai Am Lain	36
Bersikap Adil kepada Semua Orang	38
Hormati Harta Intelektual	39
Sokongan Terhadap Tanggungjawab Sosial Korporat	39
Apakah Undang-undang atau Keperluan Tambahan Yang Membimbing Komitmen Saya kepada Integriti?	41
Berhati-hati dengan Keperluan Klinikal, Kawal Selia dan Program Penjagaan Kesihatan	42
Memahami Peraturan Perdagangan Saham	43
Ketahui Cara untuk Terlibat dengan Media, Kerajaan dan Peguam	44
Berhati-hati dengan Undang-undang Import, Eksport dan Anti Boikot	45
Fahami Sekatan yang Melibatkan Aktiviti dan Sumbangan Politik	46
Apakah yang Perlu Saya Lakukan Jika Saya Mempunyai Soalan atau Kebimbangan?	47
Bangkitkan Soalan dan Kebimbangan	48
Menyokong Orang Lain yang Bertanya Soalan atau Mengemukakan Kebimbangan Dengan Niat Baik	49
Bekerjasama dengan Penyiasatan	49
Memahami Akibatnya	50
Sumber untuk Bertanya Soalan atau Melaporkan Kebimbangan	52
Di manakah Saya Boleh Mendapatkan Bantuan?	53
Menghubungi Talian Nasihat	54
Indeks	55

Nilai-nilai Boston Scientific

Nilai-nilai syarikat memberi kita asas yang kukuh – dan sebagai kompas penunjuk tentang perkara yang kita percayai. Ia jelas dan mudah. Nilai-nilai syarikat kita adalah asas kepada segala yang kami lakukan – secara luaran dan dalaman.

Prihatin: Kita bertindak dengan integriti dan belas kasihan untuk menyokong pesakit, pelanggan komuniti kita dan sesama kita.

Kepelbagaian: Kita menerima kepelbagaian dan menghargai bakat, idea dan pengalaman pekerja kita yang unik.

Kerjasama Global: Kita bekerjasama untuk mengejar peluang global yang melangkaui capaian penyelesaian perubatan kita.

Prestasi Tinggi: Kita berusaha kearah prestasi tinggi bagi manfaat pesakit, klinikal dan pemegang saham kita.

Inovasi Bermakna: Kita menyokong kreativiti bagi mengubah idea baharu kepada kecemerlangan perkhidmatan dan penyelesaian yang membawa nilai untuk pesakit, pelanggan dan pekerja.

Semangat Kemenangan: Kita menyesuaikan diri kepada perubahan dan bertindak dengan cepat, tangkas dan bertanggungjawab untuk meningkatkan penjagaan pesakit dengan lebih baik.

Di Boston Scientific, anda merupakan sebahagian daripada komuniti yang berdedikasi kepada teknologi peneraju yang mengubah kehidupan. Bersama dengan pelanggan, kita memberikan perkhidmatan kepada pesakit, sistem penjagaan kesihatan dan di antara satu sama lain.

Integriti adalah asas kepada Boston Scientific. Cara kita bertindak dan bersuara bagi pihak Boston Scientific mempengaruhi perasaan pengguna terhadap produk kita dan tanggapan pemegang saham terhadap kita sebagai suatu pelaburan. Terpulang kepada kita semua untuk melindungi reputasi kita.

Integriti ialah janji untuk melakukan perkara yang betul. Ini bermaksud bertindak dengan jujur dan melayani antara satu sama lain dan pelanggan, pesakit serta pembekal kita dengan penuh saksama dan bermaruah. Dengan bertindak secara berintegriti, kita mencerminkan nilai-nilai positif dan reputasi Syarikat serta divisyenya di lebih dari 100 buah negara di mana kita beroperasi.

Integriti sentiasa berada di kedudukan yang paling tinggi apabila kita berusaha ke arah pematuhan dan kepuasan pelanggan, tanpa mengira peranan atau fungsi kita. Kegagalan untuk mematuhi Kod Tatakelakuan, polisi syarikat dan undang-undang yang telah ditetapkan akan meletakkan risiko terhadap kepercayaan keatas perhubungan, perniagaan dan reputasi syarikat kita.



Kod Tatakelakuan ("Kod Tatakelakuan") bermaksud untuk berkhidmat berlandaskan asas-asas dasar dan peraturan syarikat yang sedia ada. Gunakan Kod Tatakelakuan untuk:

- Membantu memastikan integriti dan etika dalam semua perhubungan perniagaan dikekalkan sementara berusaha secara serentak untuk kepuasan pelanggan yang tinggi, dan
- Menggalakkan perbincangan beretika dan meningkatkan cara untuk menangani dilema dan perkara tidak pasti yang mungkin dihadapi dalam kerja setiap hari.

Kita semua ingin melakukan perkara yang betul, untuk diri kita dan untuk Boston Scientific. Kita mesti mengikut undang-undang dan bertindak dengan integriti serta jujur dalam semua perkara. Kita mesti bertanggungjawab terhadap tindakan kita. Bertindak dengan integriti adalah tentang lebih daripada imej dan reputasi Syarikat atau mengelakkan isu undang-undang. Ia tentang mengekalkan tempat di mana kita semua berbangga untuk bekerja.



Apakah Maksud Bertindak dengan Integriti?

Bertindak dengan integriti bermakna menghidupkan Kod Tatakelakuan bukan sekadar membacanya sahaja. Mematuhinya adalah mandatori sebagai tanggungjawab anda sebagai ahli pasukan Boston Scientific. Jadi, jika anda nampak atau mengalami sesuatu yang membimbangkan anda, bertanya tentangnya dan laporkannya ke sumber yang sesuai. Kemukakan soalan sehingga anda mendapat jawapan. Semak Kod Tatakelakuan dengan kerap agar ia sentiasa segar dalam ingatan anda.



Apakah Maksud Bertindak dengan Integriti?



Tatakelakuan ini terpakai kepada semua pekerja, pegawai dan pengarah Boston Scientific di seluruh dunia.

Menghayati Semangat Kod Tatakelakuan

Kod Tatakelakuan menunjukkan komitmen Boston Scientific dalam menjalankan perniagaan secara beretika. Ia menerangkan apa maksud untuk bertindak dengan integriti dalam semua hal yang kita lakukan dan mengikut nilai-nilai Boston Scientific. Boston Scientific menghendaki anda agar mematuhi Kod Tatakelakuan yang tersurat dan tersirat dalam semua urusan Syarikat. Ini bermakna anda dimint untuk:

- Memahami topik yang dirangkumi oleh Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat serta undang-undang yang telah ditetapkan berkenaan dengan kerja anda.
- Ikuti keperluan undang-undang berkenaan di semua lokasi di mana kita menjalankan perniagaan.
- Tingkah laku anda harus selaras dengan Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur syarikat, serta undang-undang yang telah ditetapkan.
- Bersuara jika anda mempunyai kebimbangan atau mengesyaki pelanggaran Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat atau undang-undang yang telah ditetapkan.
- Apabila diminta, sahkan bahawa anda telah menyemak, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Kod Tatakelakuan.
- Fahami bahawa mematuhi Kod Tatakelakuan adalah mandatori dan sebahagian dari kerja anda.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA



Kod Tatakelakuan tidak boleh menangani setiap situasi yang boleh berlaku. Anda diharapkan untuk menggunakan pertimbangan yang baik dan bertanya soalan apabila anda memerlukan panduan atau penjelasan. Banyak sumber yang tersedia untuk membantu anda. Ini termasuk pengurusan anda, Bahagian Pematuhan Global, Sumber Manusia, Undang-undang, Audit Dalaman Global, Talian Nasihat dan mana-mana sumber lain yang tersenarai di penghujung Kod Tatakelakuan. Selain daripada Kod Tatakelakuan, anda perlu pengetahuan tentang semua dasar dan prosedur Syarikat yang telah ditetapkan kepada kerja anda.

Kod Tatakelakuan digunakan kepada semua kategori pekerja, pegawai dan pengarah Boston Scientific di seluruh dunia. Kod Tatakelakuan digunakan keatas semua kategori pekerja, pegawai dan pengarah Boston Scientific di seluruh dunia. Kita juga menghendaki pengedar, ejen, kontraktor, pekerja sementara, doktor siswazah, penjual dan pembekal kita untuk mengekalkan taraf dalam Kod Tatakelakuan kita ketika bertindak bagi pihak kita. Kepatuhan kepada Kod Tatakelakuan tidak berniat untuk menandakan mana-mana individu, selain daripada pekerja kita sendiri, sebagai pekerja Boston Scientific.

Perkara berikut hanya bersangkutan kepada pegawai eksekutif dan pengarah: Sebarang pengecualian kepada Kod Tatakelakuan yang melibatkan pegawai eksekutif dan pengarah hanya boleh dibuat oleh Lembaga Pengarah atau jawatankuasa Pengarah bagi pengarah yang tidak berminat. Ini akan didedahkan seperti yang diminta oleh undang-undang.

Soalan dan Jawapan

SApakan yang harus saya lakukan jika saya tidak pasti tentang dasar dan prosedur Syarikat yang digunakan kepada kerja saya?

JKod Tatakelakuan ialah sumber penting untuk semua orang yang bekerja di Boston Scientific. Jika anda mempunyai pertanyaan yang lebih khusus tentang dasar dan prosedur Syarikat, sila rujuk kepada pengurus anda atau hubungi mana-mana sumber yang disenaraikan dalam bahagian akhir Kod Tatakelakuan.

SSaya menjalankan tugas di negara yang mempunyai undang-undang yang berbeza daripada negara tempat saya berpangkalan. Adakah Kod Tatakelakuan meliputi kedua-dua lokasi?

JBoston Scientific menghormati undang-undang dan adat yang tersurat dan tersirat di setiap tempat kita menjalankan perniagaan. Kod Tatakelakuan dirangka supaya cukup luas untuk meliputi semua warga kerja di seluruh dunia, tetapi undang-undang adalah berbeza dari sebuah tempat ke tempat yang lain. Perkara yang mematuhi undang-undang di sebuah tempat mungkin menyalahi undang-undang di tempat lain. Pekerja hendaklah sentiasa menjalankan kerja mereka dengan mematuhi undang-undang, dasar dan prosedur yang telah ditetapkan. Jika anda bimbang akan konflik yang mungkin berlaku yang melibatkan Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat kita, serta mana-mana undang-undang atau adat tempatan, hubungi mana-mana sumber yang tersenarai dalam bahagian akhir Kod Tatakelakuan.

Apakah Maksud Bertindak dengan Integriti?



Bincang dengan pengurus anda sebelum membuat keputusan atau mengambil tindakan yang mungkin membangkitkan kebimbangan undang-undang atau integriti.

Bertanya Soalan dan Suarakan Kebimbangan

Kita semua bertanggungjawab untuk mengemukakan kebimbangan pelanggaran yang diketahui atau disyaki bagi Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat, atau undang-undang yang telah ditetapkan dengan segera. Jika anda tidak pasti apa yang boleh dilakukan, bertanya soalan dan dapatkan nasihat. Sila rujuk semua sumber tersedia yang disenaraikan di bahagian akhir Kod Tatakelakuan.

Apabila berhadapan dengan situasi yang baharu, tidak jelas atau penting, ajukan soalan-soalan ini kepada diri anda:

- Adakah perkara itu selaras dengan Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat, serta undang-undang yang ditetapkan?
- Apakah yang saya anggap sebagai adil dan beretika dalam situasi ini?
- Apakah kepentingan penjagaan pesakit yang terbaik?
- Apakah perasaan saya jika hal ini terpampang di muka depan surat khabar? Bagaimanakah perasaan pekerja, pelanggan, pesakit atau pemegang saham Boston Scientific?
- Apakah perkara yang betul untuk dilakukan?



Dasar tanpa tindakan balas Boston Scientific- asas Tatakelakuan ini dikuatkuasakan dengan ketat. Kita tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas (sama ada daripada pengurus, rakan sekerja atau sebaliknya) terhadap individu disebabkan dia membuat laporan atas niat baik tentang kebimbangan integriti. Dasar tanpa tindakan balas turut merangkumi mana-mana individu yang membantu atau bekerjasama dalam penyiasatan atau laporan kebimbangan atau pertanyaan integriti.

Soalan dan Jawapan

S Tahun lepas, saya menguruskan projek dengan cara yang saya rasakan sesuai pada masa itu. Selepas menghadiri sesi latihan tentang topik yang relevan, saya mempunyai beberapa kebimbangan tentangnya sekarang. Apakah yang patut saya lakukan?

J Anda perlu mengemukakan isu tersebut. Bercakap dengan pengurus anda atau hubungi mana-mana pihak daripada sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan. Ianya merupakan kepentingan terbaik semua orang untuk menyelesaikan kebimbangan integriti, walaupun ia pernah berlaku dahulu. Ia mungkin boleh membetulkan isu baharu pada masa hadapan, atau, jika situasi yang serupa timbul di masa hadapan, anda akan mempunyai idea yang lebih baik tentang cara untuk menangannya.

S Saya telah membincangkan suatu kebimbangan integriti dengan pengurus saya dan beliau berkata akan melihat perkara itu. Tiada apa yang berlaku. Kini beberapa bulan telah berlalu dan situasi yang mencetuskan kebimbangan integriti saya masih berlaku. Saya takut untuk bertanya semula kepada pengurus saya. Apakah yang patut saya lakukan?

J Anda perlu terus mengemukakan kebimbangan anda sehingga isu itu ditangani. Dalam situasi sebegini, pertimbangkan untuk menghubungi pengurus yang bertanggungjawab terhadap pengurus anda atau salah satu sumber yang tersenarai dalam bahagian akhir Kod Tatakelakuan. Walaupun ada kemungkinan pengurus anda telah membuat pemerhatian terhadap situasi tersebut dan memutuskan bahawa perkara itu bukanlah suatu masalah, atau beliau telah mengambil tindakan untuk membetulkannya, adalah penting untuk anda mengetahui sama ada tindakan tertentu telah diambil terhadap kebimbangan anda itu. Menghubungi sumber yang berbeza mungkin dapat menjelaskan situasi tersebut.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Apakah Maksud Bertindak dengan Integriti?

Soalan dan Jawapan

Saya rasa salah seorang daripada rakan sekerja saya melanggar Kod Tatakelakuan. Adakah saya perlu melakukan apa-apa?

JYa. Apabila berasa ragu sama ada sesuatu aktiviti itu wajar, anda perlu menyuarakan kebimbangan anda kepada pengurus anda atau salah satu daripada sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan. Ia terbaik untuk semua orang untuk terus menyelesaikan kebimbangan integriti yang berpotensi. Pekerja diharapkan untuk maju ke hadapan dengan kebimbangan integriti. Kita semua bertanggungjawab untuk menyokong Kod Tatakelakuan.



Memimpin melalui Teladan

Kita semua adalah model contoh. Kita semua boleh memimpin melalui teladan apabila ia tiba untuk bertindak dengan integriti. Dengan bekerjasama, kita boleh mengekalkan budaya integriti dan kebolehpercayaan kita. Ini bermakna anda diminta untuk:

- Bertindak dengan adil dan jujur dalam semua urusan anda.
- Memastikan orang yang melaporkan secara langsung kepada anda memahami dan mematuhi Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat, undang-undang yang ditetapkan dan komitmen kita terhadap integriti.
- Mengekalkan persekitaran dalam kumpulan kerja anda yang memupuk integriti.
- Mengetahui sumber yang tersedia untuk membantu.
- Menyokong pekerja yang bertanya soalan, menyuarakan kebimbangan atau bekerjasama dengan penyiasatan dengan niat baik.
- Kemukakan kebimbangan integriti atau pelanggaran yang diketahui atau disyaki tentang Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat atau undang-undang yang ditetapkan dengan segera.

Pengurus Boston Scientific mempunyai tugas untuk menyokong budaya integriti dan pematuhan. Ini bermakna pengurus perlu berkhidmat sebagai model contoh dan memastikan rakan sekerja yang melaporkan kepada mereka berasa selesa untuk mengemukakan soalan dan kebimbangan tanpa takutkan tindakan balas, bahawa sebarang kebimbangan atau soalan ditangani dalam cara yang profesional dan tepat pada masa, dan bahawa taraf integriti dan pematuhan tidak di kompromi dalam memperoleh keputusan perniagaan.

Bekerja bagi pihak Boston Scientific, anda mungkin berhadapan dengan situasi sukar. Pada kebanyakan masa, naluri, penilaian yang bagus, Kod Tatakelakuan syarikat dan dasar serta prosedur Syarikat cukup untuk membimbing anda. Walau bagaimanapun, adakalanya anda memerlukan bantuan tambahan untuk membuat pilihan yang betul. Dalam kes ini, hubungi mana-mana sumber yang tersenarai dalam bahagian akhir Kod Tatakelakuan untuk panduan tambahan.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?

Anda boleh menunjukkan integriti setiap hari, termasuklah melalui cara anda melayan harta Syarikat, cara anda mengelakkan konflik kepentingan dan melindungi maklumat peribadi, serta cara anda memastikan persekitaran kerja anda selamat, sihat dan terjamin.



Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?

Soalan dan Jawapan

S Pembuat produk di bahagian saya tidak selalu mengikut arahan bertulis pembuatan produk. Salah seorang pekerja telah membangunkan jalan pintas yang dia gunakan dan menggalakkan orang lain untuk menggunakannya. Saya tidak mahu rakan sekerja saya tahu yang saya telah mengemukakan isu ini, tetapi saya bimbang tentang impak pada kualiti produk. Apakah yang patut saya lakukan?

J Kemukakan isu tersebut dengan segera kepada pengurus anda atau salah satu sumber yang tersenarai dalam bahagian akhir Kod Tatakelakuan. Ia sangat penting untuk mengikut arahan bertulis pembuatan produk. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan isu produk tidak disahkan, masalah kawal selia atau isu serius yang lain. Laporan atau pertanyaan anda akan disimpan sebagai sulit. Ingat bahawa Talian Nasihat membenarkan pelaporan tanpa nama, kecuali jika undang-undang tempatan menyekatnya. Dalam situasi sedemikian, pemanggil akan dirujuk kepada sumber alternatif.

S Saya mempunyai cadangan tentang cara untuk mengurangkan kesalahan di bahagian pengeluaran dimana saya bekerja. Saya percaya bahawa penyelesaian itu boleh meningkatkan masa yang diperlukan untuk menghasilkan produk tersebut dan saya mempunyai kebimbangan untuk mengemukakan. Apakah yang patut saya lakukan?

J Kemukakan cadangan anda. Boston Scientific menghargai semua cadangan pekerja untuk meningkatkan cara kita beroperasi dan menjalankan perniagaan. Jika idea anda boleh diguna-pakai, masa tambahan yang kita gunakan untuk mencegah kesalahana pengeluaran bermaksud produk yang kita buang akan berkurangan. Akhirnya, ini akan menjimatkan masa kita dan yang lebih penting, boleh meningkatkan kualiti produk dan penjagaan pesakit kita. Biasanya, yang terbaik ialah untuk membincangkan cadangan seperti ini dengan pengurus anda atau pengurus yang bertanggungjawab terhadap pengurus anda, tetapi jika anda tidak rasa boleh berbuat demikian, anda perlu menghubungi salah satu daripada sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan.

Berdedikasi kepada Kualiti

Komitmen kualiti kita terkandung dalam dasar kualiti kita: *Saya meningkatkan kualiti penjagaan pesakit dan semua hal berkenaan dengan Boston Scientific.* Kenyataan ini memberi kuasa kepada semua orang, dalam setiap jawatan, untuk menyertai dalam keputusan dan tindakan yang boleh menjejaskan kualiti atau pematuhan dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Boston Scientific mengharap anda untuk bertanggungjawab untuk kualiti. Ini bermakna anda diminta untuk:

- Berbangga dengan kerja anda dan memberi perhatian kepada butiran, tanpa mengira tugasan.
- Patuhi dasar, prosedur dan arahan kerja Syarikat pada setiap masa.
- Melengkapkan semua latihan yang diperlukan tepat pada masanya.
- Mengambil tindakan yang sewajarnya bila sahaja anda bimbang tentang kualiti.
- Melaporkan semua aduan produk yang berpotensi dengan segera.
- Melaporkan sebarang situasi yang boleh mengakibatkan isu kualiti atau kawal selia dengan segera.
- Mencari jalan untuk meningkatkan kualiti dalam kerja anda dan Syarikat.
- Perkara yang penting sekali, pastikan kualiti sebagai keutamaan #1 anda.

Jalankan kerja anda dengan integriti membantu Boston Scientific memastikan bahawa ianya mematuhi undang-undang, peraturan, keperluan pelanggan dan pesakit.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA



Menjalankan kerja anda dengan integriti membantu Boston Scientific memastikan bahawa ia mematuhi undang-undang, peraturan, keperluan pelanggan dan keperluan pesakit.

Soalan dan Jawapan

S Saya berada dalam pesawat, bersebelahan dengan seorang wanita dimana doktor beliau telah menggunakan peranti Boston Scientific untuk merawatannya. Dia memberitahu saya bahawa perantinya tidak berfungsi, tetapi dari penerangannya saya tidak faham apa yang berlaku. Walau bagaimanapun, saya telah menulis nama dan nombor telefonnya. Adakah saya perlu melakukan apa-apa lagi?

J Ya. Pertama, anda perlu mengikut prosedur pelaporan aduan. Jika anda tidak pasti tentangnya, hubungi Pusat Panggilan Aduan Pelanggan dengan segera dan berikan maklumat yang anda ada kepada mereka. Boston Scientific diminta untuk mengumpulkan maklum balas tentang pengalaman seperti ini dan menentukan sama ada terdapat masalah dengan produk tersebut. Dalam sesetengah keadaan, Boston Scientific mesti melaporkan maklumat pengalaman produk kepada agensi kerajaan. Selain itu, pada masa hadapan, jika seseorang melaporkan kebimbangan kepada anda, cuba kumpulkan beberapa maklumat tambahan yang boleh membantu anda dalam memahami kebimbangan yang berpotensi. Dalam contoh di atas, anda boleh meminta jenis dan/nama peranti. Anda juga boleh meminta sama ada dia, atau doktornya telah menghubungi Pusat Panggilan Aduan Boston Scientific untuk melaporkan maklumat itu. Akhir sekali, anda boleh meminta nama doktornya dan hospital mana dia menerima peranti itu.

Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?



Bersikap Hormat terhadap Orang Lain

Komitmen kita terhadap integriti termasuklah melayan orang lain dengan rasa hormat dan adil. Ini bermakna anda diminta untuk:

- Bertindak secara profesional dalam semua aktiviti berkaitan kerja, termasuk acara luar syarikat dan majlis sosial yang ditaja Syarikat.
- Memastikan bahawa keputusan yang menjejaskan pekerja adalah berdasarkan pada faktor perniagaan sahaja. Sebagai contoh, keputusan mengenai mengambil bekerja, kenaikan pangkat, penamatan pekerjaan, pemindahan, cuti ketidakhadiran atau pampasan hanya perlu berdasarkan kepada faktor perniagaan.
- Menghormati harta Syarikat dan harta pelanggan serta rakan sekerja.
- Mengelakkan menganiaya orang lain secara lisan atau fizikal atau terlibat dengan tingkah laku yang menyinggung perasaan. Hal ini termasuk mengganggu, membuli, layanan yang kurang menyenangkan atau menakut-nakutkan, bahasa kesat atau perbuatan lucah, perbuatan tidak senonoh, keganasan atau sebarang perbuatan lain yang mengganggu kebolehan rakan sekerja untuk melakukan kerja mereka.
- Mematuhi semua dasar mengenai kelakuan pekerja yang telah ditetapkan.
- Jangan rakam atau muat turun (audio atau visual) idea, proses, produk, kajian dan pembangunan, atau sebarang aktiviti atau perbuatan kerja yang berkaitan dengan apa jua cara yang tidak dibenarkan penggunaannya oleh Syarikat.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Boston Scientific komited untuk mengikut amalan pengambilan pekerjaan adil yang memberikan peluang sama rata kepada semua pekerja. Kita tidak mendiskriminasi atau mentoleransi gangguan berdasarkan bangsa, warna kulit, agama, kurang upaya, jantina, negara asal, orientasi seksual, identiti jantina, ungkapan jantina, umur, maklumat genetik, status tentera atau sebarang status lain yang dilindungi. Boston Scientific juga menghargai kelainan dan percaya bahawa kelainan tempat kerja membina kelebihan persaingan yang sebenar.



Soalan dan Jawapan

S Baru-baru ini saya telah menyertai satu mesyuarat tentang keputusan penting di mana rakan sekerja saya tidak bersetuju dengan saya di hadapan semua orang di dalam bilik itu. Dia menggunakan kata-kata kesat dan menjerit kepada saya semasa mesyuarat. Perlukah saya melaporkan kelakuannya?

J Ya. Boston Scientific tidak bertoleransi dengan sebarang jenis ancaman atau kelakuan yang menyinggung. Anda perlu melaporkan insiden tersebut kepada pengurus anda, pengurus yang bertanggungjawab terhadap pengurus anda, Sumber Manusia atau mana-mana daripada sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan. Sementara Boston Scientific menggalakkan dialog terbuka, kita harus sentiasa melayan di antara satu sama lain dengan rasa hormat dan mengekalkan persekitaran kerja yang membina.

S Saya telah pergi ke acara luar Boston Scientific baru-baru ini, di mana salah seorang daripada rakan sekerja saya membuatkan saya berasa tidak selesa kerana dia memberikan komen seksual tentang rupa saya. Kepada siapakah yang boleh saya suarkan tentang kebimbangan ini?

J Boston Scientific tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk gangguan, termasuklah gangguan seksual. Anda perlu melaporkan kebimbangan anda kepada pengurus anda, Sumber Manusia atau mana-mana daripada sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan. Penting agar pekerja dilayan dengan hormat dan bertindak secara profesional dalam segala aktiviti berkaitan kerja, termasuk acara luar yang ditaja Syarikat.

Komitmen kita terhadap integriti termasuklah melayan orang lain dengan rasa hormat dan adil.

Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?

Soalan dan Jawapan

S Abang saya telah menghantar e-mel ke komputer kerja saya dan kadang-kadang menghubungi saya melalui telefon bimbit Syarikat saya. Adakah ini boleh diterima?

J Sistem maklumat Boston Scientific ialah harta Syarikat dan biasanya perlu digunakan hanya untuk aktiviti perniagaan. Walaupun penggunaan peribadi yang sekali-sekala dan secara munasabah adalah dibenarkan, anda mesti menggunakan penilaian yang baik. Penggunaan peribadi anda perlu konsisten dengan Kod Tatakelakuan dan dasar serta Syarikat kita, dan tidak mengganggu kerja anda. Ingat bahawa setiap kali anda menghantar mesej dari akaun e-mel syarikat anda, penerima boleh menganggap yang anda bercakap bagi pihak Syarikat. Jangan hantar mesej dengan nada fitnah atau tidak wajar, atau kandungan yang tidak mencerminkan Syarikat dengan baik jika dibuat secara umum. Fikir dengan berhati-hati tentang cara mesej anda boleh ditafsirkan oleh orang lain.

S Pengurus saya telah menugaskan saya dengan tugas untuk diselesaikan dengan segera yang memerlukan saya untuk bekerja dari rumah. Bolehkah saya menghantar bahan berkaitan kerja ke dan dari akaun e-mel peribadi saya untuk mengakses ke maklumat ini di luar kerja?

J Tidak Boleh. Maklumat Syarikat tidak boleh dihantar atau dimuat naik ke sistem maklumat bukan Boston Scientific, seperti perkhidmatan e-mel peribadi. Sebaliknya, anda boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan IT untuk memasang Rangkaian Peribadi Maya (VPN). VPN akan memberikan kebolehan untuk anda bekerja dari jauh dan mengakses ke dokumen yang disimpan dalam persekitaran Boston Scientific.

Hormati Harta Syarikat

Harta Syarikat merangkumi jauh lebih banyak daripada yang orang ramai sedari. Ini termasuk peralatan, konsep teknologi, strategi perniagaan, senarai pelanggan dan bahan yang mengandungi maklumat Syarikat, ini hanya beberapa contoh harta syarikat. Apabila menggunakan atau mengakses harta Syarikat, anda diharapkan untuk:

- Gunakan harta Syarikat dengan wajar dan berkesan.
- Belanjakan wang Syarikat dengan bijak.
- Lindungi harta Syarikat daripada kecurian, kehilangan, akses atau penggunaan, kemusnahan atau pembaziran yang tidak dibenarkan.
- Elakkan daripada menyambungkan komputer riba peribadi dan komputer peribadi kepada sistem perkomputeran dalaman Boston Scientific, tanpa menggunakan Rangkaian Peribadi Maya (VPN) yang diluluskan untuk mencegah akses yang tidak diinginkan atau kehilangan aset Boston Scientific, termasuk data peribadi.



TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA



- Elakkan daripada menggunakan harta Syarikat untuk keuntungan peribadi. Ini antara lain bermaksud, anda tidak boleh menggunakan maklumat Boston Scientific, meskipun jika anda membangunkan atau membantu untuk membangunkan maklumat tersebut, untuk mewujudkan kepentingan komersial di luar pekerjaan anda di Boston Scientific. Anda juga tidak boleh menggunakan keistimewaan pentadbiran atau menaikkan hak pengguna di luar skop yang telah dibenarkan kepada anda.
- Menggunakan harta Syarikat dengan cara yang selaras dengan dasar dan undang-undang berkuat kuasa.

Anda boleh menggunakan sistem maklumat Syarikat bagi kegunaan peribadi sekali-sekala dan secara munasabah. Ini tidak boleh sama sekali mengkompromikan keselamatan maklumat Syarikat. Anda perlu ingat bahawa Boston Scientific boleh memantau, mengakses, menyemak dan mendedahkan sebarang maklumat yang terkandung pada harta Syarikat (termasuk maklumat dan sistem Komputer Syarikat), melainkan disekat oleh undang-undang tempatan. Syarikat boleh meminta supaya hartanya dikembalikan pada bila-bila masa.

Anda juga perlu mempertimbangkan penggunaan harta atau maklumat Boston Scientific yang tidak dibenarkan boleh melanggar undang-undang.

Soalan dan Jawapan

S Saya perasan bahawa rakan sekerja saya yang duduk di meja bersebelahan dengan saya melayari laman web tidak wajar yang menjadikan saya berasa tidak selesa. Apakah yang patut saya lakukan?

J Melainkan dilarang oleh undang-undang tempatan, Boston Scientific memantau penggunaan internet dan e-mel. Atas sebab itu, Syarikat menyekat banyak laman web yang tidak selamat dan tidak wajar. Walau bagaimanapun, jika rakan sekerja anda dapat mengakses ke laman web yang membuatkan anda berasa tidak selesa, anda disarankan bercakap dengan pengurus anda atau pengurus yang bertanggungjawab terhadap pengurus anda, Sumber Manusia atau mana-mana daripada sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan ini.

S Saya memulakan perniagaan kecil dengan beberapa orang rakan sekerja selepas waktu bekerja. Pengurusan saya menyedarinya. Perniagaan itu tidak akan bersaing dengan Boston Scientific dan telah menerima kelulusan yang perlu bahawa perniagaan tersebut bukannya konflik kepentingan. Bolehkah saya menggunakan telefon bimbit Syarikat saya sebagai nombor telefon utama untuk perniagaan itu?

J Tidak Boleh. Walaupun anda mungkin mempunyai perniagaan sampingan yang telah didedahkan, tidak berkonflik dengan kerja anda di Boston Scientific dan sebaliknya tidak disekat, anda tidak boleh menggunakan masa, harta atau sumber Syarikat yang lain untuk berbuat demikian. Begitu juga dengan perniagaan untuk pasangan, orang lain yang signifikan, rakan atau saudara – sebagai contoh, anda tidak boleh membincangkan produk bukan Boston Scientific atau mengedarkan sampelnya kepada pelanggan kita.

Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?

Soalan dan Jawapan

Salah satu daripada penjual Syarikat sentiasa menghantar hadiah bakul buah dan coklat yang besar semasa musim cuti. Bolehkah saya menerimanya?

J Disebabkan bakul hadiah cenderung kepada nilai yang terhad dan anda tidak kerap menerimanya, ia tidak mungkin akan menyebabkan anda berasa wajib atau mempengaruhi penilaian anda. Jika itulah situasinya, anda boleh terus menerimanya. Walau bagaimanapun, anda digalakkan untuk berkongsi bakul hadiah tersebut dengan pekerja lain dalam jabatan anda dan jangan simpan untuk diri anda sendiri.

Saya seorang wakil jualan dan saya sudah berkawan rapat dengan seorang doktor yang merupakan pelanggan terbesar saya. Kami kerap bersosial di waktu luar kerja. Bolehkah saya terus merangkumi akaun doktor ini?

J Syarikat mengakui keadaan itu, berdasarkan kepada sifat perniagaan kita, pekerja kita dan pelanggan kita boleh menjadi kawan rapat. Dalam kebanyakan keadaan, pekerja boleh merangkumi akaun pelanggan yang mereka anggap sebagai seorang kawan. Tetapi, pekerja diminta untuk mendedahkan perhubungan seperti itu supaya pengurus dan Sumber Manusia mereka menyedari tentang perhubungan peribadi itu dan boleh membuat penentuan akhir jika terdapat sebarang kebimbangan terhadap potensi konflik kepentingan. Pekerja juga perlu memastikan bahawa doktor itu membayar untuk diri sendiri dalam semua interaksi bukan perniagaan.

Anda hendaklah mendedahkan semua konflik kepentingan berkemungkinan terlebih dahulu kepada pengurus anda.

Elakkan Konflik Kepentingan

Anda mungkin berhadapan dengan konflik kepentingan apabila kepentingan peribadi anda berkonflik dengan kepentingan Boston Scientific. Boston Scientific menghendaki anda untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk kejayaan Syarikat dan dalam sesetengah kes, kepentingan peribadi anda mungkin menjejaskan kebolehan anda untuk bersuara dan membuat keputusan objektif. Anda perlu elakkan daripada terlibat dalam aktiviti yang melibatkan, atau boleh kelihatan seperti, konflik antara kepentingan anda dan kepentingan Boston Scientific. Anda bertanggungjawab untuk memahami dasar konflik kepentingan Syarikat dan bersikap terbuka serta lebih bersedia tentang konflik yang sebenar atau tanggapan sekiranya ia timbul, jadi situasi itu boleh ditangani dengan sewajarnya.

Contoh potensi konflik yang perlu anda dedahkan kepada sama ada pengurus, Bahagian Sumber Manusia, Undang-undang atau Pematuhan Global anda termasuk:

- Berunding atau mendapat kerja kedua dengan pesaing, pembekal atau pelanggan.
- Mempunyai kepentingan kewangan yang ketara pada mana-mana pesaing, pembekal atau pelanggan.
- Terlibat dalam mana-mana pemilihan keputusan atau pemantauan kontraktor yang mana anda mempunyai kepentingan kewangan atau di tempat pasangan, orang lain yang signifikan atau ahli keluarga lain bekerja.
- Anda tidak menerima manfaat peribadi atau memperoleh keuntungan daripada sebarang peluang komersial sepanjang anda bekerja dengan Boston Scientific.
- Memulakan perniagaan yang bersaing atau mengejar sebarang peluang komersial yang akan muncul untuk campur tangan dengan kepentingan terbaik Boston Scientific;
- Menggajikan individu yang dirujuk kepada Boston Scientific oleh vendor atau pelanggan.
- Mempunyai hubungan peribadi atau romantik yang rapat dengan pembekal atau pelanggan.
- Mempunyai hubungan peribadi atau romantik yang rapat dengan seseorang yang anda selia.
- Menggaji atau mempunyai hubungan kerja sebagai ketua dengan pasangan, orang lain yang signifikan atau ahli keluarga lain.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

- Menghadiri acara sosial, rekreasi atau majlis keramaian dengan pembekal semasa proses pemilihan pembekal atau perundingan perjanjian dengan pembekal.

Hadiah dan sebarang pakej hiburan yang ditawarkan oleh pembekal, penjual, kontraktor, pelanggan dan pesaing boleh menyukarkannya anda menjadi objektif dalam perhubungan perniagaan anda dan bagi anda membuat keputusan bagi pihak Boston Scientific. Anda tidak boleh menerima hadiah, pakej hiburan atau manfaat peribadi daripada pembekal, penjual, kontraktor, pelanggan atau pesaing jika ia boleh menjejaskan atau mencipta seperti menjejaskan keputusan perniagaan anda. Anda juga tidak boleh sekali-kali menerima hadiah yang:

- Berbentuk wang tunai atau setara dengan wang tunai (misalnya, tiket loteri, kad hadiah atau baucar pelancongan).
- Menyebabkan anda berasa wajib (sebagai contoh, tiket ke acara sukan yang mahal atau mewah, hadiah atau perkhidmatan percuma yang mahal, produk atau peralatan untuk penggunaan perniagaan atau peribadi).
- Terlalu mewah atau kerap (misalnya, barang mewah, makan di restoran mewah atau beberapa hadiah atau manfaat dalam tempoh masa yang pendek).
- Sebaliknya, yang melanggar Kod Tatakhlak kita, dasar dan prosedur Syarikat, atau majikan pemberi.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu menerima hadiah atau pakej hiburan perniagaan, anda perlu mendapatkan panduan. Anda mesti mendedahkan semua potensi konflik sebaik sahaja ia timbul. Pekerja digalakkan untuk mengemukakan sebarang situasi yang boleh dipersoalkan kepada pengurus atau Sumber Manusia mereka dahulu, melainkan di bawah keadaan yang tertentu, anda berasa kesensitifan dan/atau keseriusan situasi itu membenarkan untuk pergi terus ke Bahagian Undang-undang atau Pematuhan Global. Pengurus yang menjadi titik hubungan awal pekerja untuk soalan atau laporan konflik kepentingan, bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Bahagian Sumber Manusia, Undang-undang atau Pematuhan Global yang akan memastikan bahawa situasi itu dinilai dan didokumenkan dengan wajar.

Soalan dan Jawapan

Saya merupakan seorang pekerja Boston Scientific dan saya menguruskan perhubungan dengan penjual yang bekerja untuk Syarikat. Baru-baru ini, penjual itu telah menawarkan tiket untuk keluarga saya dan saya sendiri untuk menghadiri permainan Piala Dunia. Bolehkah saya menerimanya?

J Menerima tiket ke acara sukan atau hadiah lain daripada pelanggan, penjual atau pembekal yang mempunyai nilai lebih banyak yang boleh mencipta konflik kepentingan yang sebenar atau tanggapan yang menjejaskan pertimbangan bebas anda. Setiap daripada kes ini adalah berbeza dan anda perlu menghubungi pengurus anda, Bahagian Pematuhan Global atau mana-mana daripada sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakhlak untuk menentukan sama ada anda boleh menerima tiket ini.

Saya seorang pekerja Boston Scientific dan saya cuba mengumpulkan dana untuk menyokong penyertaan Syarikat dalam acara kebajikan 'jalan kaki' yang akan datang. Bolehkah saya mendekati perniagaan-perniagaan tempatan untuk meminta sumbangan?

J Ya, tambahan pula anda tidak meminta sumbangan daripada pembekal, penjual atau pelanggan Boston Scientific. Sila hubungi Bahagian Perhubungan Komuniti sebelum anda pergi ke perniagaan-perniagaan yang khusus.



Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?

Soalan dan Jawapan

Saya telah berkahwin baru-baru ini dan pasangan saya sudah memiliki sejumlah saham pesaing yang besar. Apakah itu Konflik Kepentingan?

Jla mungkin bukan satu masalah, selagi perlindungan yang tertentu telah diletakkan. Anda perlu membincangkan perkara ini dengan Bahagian Pematuhan Global atau Undang-undang. Secara amnya, pelaburan dalam syarikat yang merupakan pesaing, penjual atau pelanggan Boston Scientific memerlukan kelulusan awal melainkan pelaburan dibuat dalam syarikat perdagangan awam dan menjadikannya kurang satu peratus daripada jumlah saham belum bayar syarikat. Anda perlu berhati-hati untuk tidak membincangkan maklumat Boston Scientific dengan orang lain, tanpa mengira sama ada pasangan anda memiliki saham dengan pesaing ataupun tidak.

Saya telah ditawarkan kerja sambilan perundingan untuk perniagaan rakan di hujung minggu. Syarikat ini bukan dalam bidang peranti perubatan. Adakah ini satu masalah?

JWalaupun perniagaan rakan anda bukan dalam bidang peranti perubatan, anda perlu bercakap tentangnya dengan pengurus anda sebelum itu untuk memastikan tiada konflik kepentingan. Ia penting untuk mengetahui sama ada perniagaan rakan anda menyediakan sebarang produk atau perkhidmatan kepada Boston Scientific atau mana-mana daripada pesaing, pelanggan, pembekal atau penjualnya. Ia juga penting bahawa kerja sambilan itu tidak mengganggu tanggungjawab anda di Boston Scientific.

Suami saya memiliki perniagaan yang menjual produk tidak persaingan kepada pangkalan pelanggan yang sama dengan yang saya berinteraksi untuk Boston Scientific. Bolehkah saya membincangkan produknya dan meninggalkan sampel semasa saya memanggil pelanggan Boston Scientific? Bolehkah saya memperkenalkannya kepada pelanggan saya?

JTidak Boleh. Anda tidak boleh mengurus niaga perniagaan untuk orang atau entiti lain dan pada masa yang sama menghubungi pelanggan Syarikat, walaupun perniagaan tersebut tidak bersaing dengan produk Boston Scientific. Memanfaatkan perhubungan Boston Scientific dengan pelanggan walaupun untuk menjual produk yang tidak bersaing boleh mencipta konflik kepentingan yang sebenar atau tanggapan untuk anda atau untuk pelanggan anda.

Sjabatan saya dalam proses untuk memilih penjual. Salah seorang pekerja saya mencadangkan syarikat yang dimiliki oleh kakaknya. Saya banyak mendengar perkara yang bagus tentang syarikat ini daripada sumber lain. Bolehkah saya mempertimbangkan syarikat ini walaupun salah seorang pekerja saya berkaitan dengan pemilik itu?

JSyarikat ini boleh bersaing untuk mendapatkan kerja di Boston Scientific, tetapi pekerja yang berkaitan dengan pemilik tidak boleh terlibat dalam keputusan untuk memilih penjual, begitu juga pekerja itu tidak boleh terlibat dalam menguruskan penjual yang dimaksudkan itu, jika terpilih. Pekerja anda perlu memahami bahawa dia tidak boleh memberikan maklumat sulit atau kelebihan lain Boston Scientific yang boleh membantu syarikat kakaknya terpilih. Anda juga perlu berunding dengan pengurus anda tentang cara perhubungan perniagaan ini boleh mengakibatkan konflik kepentingan, atau kelihatan konflik dan dapatkan panduan untuk menentukan jalan tindakan terbaik sekiranya penjual mendapat kerja itu.



TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Melindungi Maklumat Sulit Syarikat

Maklumat Syarikat Boston Scientific sangat berharga dan perlu dirahsiakan. Sementara anda boleh menggunakan maklumat Syarikat seperti yang diperlukan untuk menjalankan kerja, anda bertanggungjawab untuk melindungi maklumat itu daripada dicuri, pendedahan yang tidak wajar atau salah guna. Ini bermakna anda diminta untuk:

- Hantar maklumat sulit Syarikat dengan cara yang selamat, yang termasuk, jangan gunakan akaun e-mel peribadi untuk menjalankan sebarang perniagaan Syarikat atau menghantar maklumat sulit Syarikat ke alamat e-mel peribadi anda.
- Gunakan maklumat Syarikat hanya untuk tujuannya.
- Akses ke maklumat Syarikat yang berkaitan dengan tanggungjawab individu anda.
- Kongsikan maklumat Syarikat dengan orang lain yang mempunyai sebab perniagaan yang sah untuk mengetahuinya dan apabila pendedahan itu tidak dilarang.
- Berikan maklumat sulit Syarikat kepada pihak ketiga yang mempunyai keperluan perniagaan sah untuk mengetahui maklumat itu dan telah bersetuju untuk melindungi maklumat itu dengan secukupnya.
- Salin dokumen yang mengandungi maklumat Syarikat atau alihkan dokumen seperti itu daripada kawasan kerja anda, hanya apabila kerja anda memerlukannya. Dalam semua kes seperti itu, anda perlu memastikan kerahsiaan maklumat itu ketika ia berada di luar perlindungan rutin yang disediakan oleh Boston Scientific.

Soalan dan Jawapan

S Berdiri dalam barisan di kafeteria, saya terdengar dua orang pekerja bercakap tentang jumlah jualan yang akan dilepaskan kepada umum pada esoknya. Adakah ini wajar?

J Tidak. Pekerja mesti berhati-hati ketika membincangkan perniagaan Boston Scientific di tempat umum. Maklumat sulit tidak boleh dibincangkan di tempat umum, termasuk kawasan terbuka di Boston Scientific, seperti kafeteria dan ruang depan Syarikat, di mana ia mungkin didengari oleh orang lain. Anda boleh mempertimbangkan untuk memberitahu kepada pekerja itu bahawa anda dengar apa yang mereka katakan. Terdapat juga kemungkinan implikasi undang-undang sekuriti yang berpotensi untuk membincangkan maklumat bukan umum tertentu dengan orang lain. Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada bahagian KodTatakelakuan pada Peraturan Perdagangan Saham.

Maklumat Syarikat Boston Scientific sangat berharga dan perlu dirahsiakan.

Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?



Melindungi Maklumat Sulit Syarikat

continued

- Serahkan semua maklumat sulit Syarikat dengan cara yang selamat dan ambil perlindungan keselamatan tambahan sebagaimana yang sesuai (iaitu keluarkan nama, dsb.) ketika berkongsi maklumat yang mengenal pasti pekerja, pesakit atau pelanggan kepada penerima yang mempunyai keperluan perniagaan sah untuk mengetahui maklumat itu.
- Lupuskan maklumat Syarikat dengan betul.

Semua maklumat Boston Scientific yang tidak tersedia secara umum kepada orang awam dianggap sebagai sulit. Hal ini termasuk maklumat dalam sebarang format: bertulis, elektronik, visual atau lisan. Ia juga termasuk maklumat yang kita bangukan, beli atau lesenkan serta maklumat yang kita terima daripada orang lain, termasuk pembekal dan pelanggan. Kita juga wajib untuk menguruskan data peribadi yang diberikan kepada kita oleh rakan sekerja, pelanggan, pembekal kita dan orang lain dengan betul. Kita hanya perlu mengumpulkan, mengakses, menggunakan atau mendedahkan data peribadi untuk tujuan perniagaan yang sesuai. Selain itu, kita perlu menggunakan jumlah data peribadi minimum yang diperlukan untuk melaksanakan tugas. Kita tidak boleh kongsi maklumat ini dengan sesiapa, sama ada di dalam atau di luar Syarikat kita, yang tidak mempunyai perniagaan untuk mengetahuinya. Lebih lagi, kita mesti mengambil langkah untuk melindungi data seperti itu pada setiap masa dengan betul.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Soalan dan Jawapan

Saya akan meninggalkan Boston Scientific untuk ke syarikat lain. Adakah menjadi kewajipan saya kepada Boston Scientific untuk terus merahsiakan maklumat Syarikat selepas saya pergi?

Ja. Apabila pekerjaan anda dengan Boston Scientific berakhir, anda tidak boleh menggunakan, mengekalkan atau mendedahkan maklumat sulit Boston Scientific. Anda tidak boleh menyalin dokumen sensitif, berkaitan rahsia perdagangan Boston Scientific apabila anda meninggalkan Syarikat, walaupun jika anda yang mencipta dokumen tersebut. Aktiviti seperti itu perlu dianggap sebagai melanggar undang-undang.

Saya menghadiri Mesyuarat Jualan Kebangsaan dan perlu menghantar e-mel penting kepada pelanggan penting tetapi peti masuk saya penuh untuk menghantarnya. Perlukah saya memberikan kata laluan log masuk kepada penyelia saya yang menawarkan untuk membantu dengan mengosongkan e-mel lama saya? Kita berdua ingin memenuhi tarikh akhir kritikal pelanggan kita.

JTidak. Jangan sekali-kali berkongsi log masuk dan kata laluan anda dengan sesiapa, walaupun penyelia anda dalam keadaan kritikal sekalipun. Log masuk dan kata laluan membantu melindungi sistem maklumat Boston Scientific. Anda sama sekali tidak boleh mendedahkan maklumat itu kepada orang lain. Anda boleh mempertimbangkan untuk mencari jalan lain untuk menjalankan perniagaan anda, contoh e-mel kepada individu lain yang boleh menghantarnya bagi pihak anda atau menghubungi pelanggan tersebut dan menggantikan maklumat tersebut melalui telefon, dan disusuli dengan e-mel kemudian.

Saya dalam perjalanan ke negara yang dianggap sebagai “risiko tinggi” oleh Boston Scientific. Apakah yang perlu saya lakukan untuk melindungi keselamatan bagi mana-mana maklumat sulit Syarikat?

JDalam persediaan untuk perjalanan ke negara ‘berisiko tinggi’, anda perlu memaklumkan kepada Pusat Perkhidmatan IT terlebih dahulu sebelum perjalanan anda. Mereka akan memberikan alat yang perlu kepada anda untuk melindungi peranti anda ketika dalam perjalanan (sebagai contoh, sebuah komputer riba pinjaman boleh diberikan).

SApakah yang perlu saya lakukan jika komputer riba, telefon bimbit, tablet atau peranti lain yang dimiliki oleh Boston Scientific atau mengandungi maklumat berkaitan Boston Scientific dicuri atau saya mengesyaki pelanggaran keselamatan?

JAnda mesti melaporkan perkara ini dengan segera dengan menghubungi Pusat Perkhidmatan IT atau wakil IT tempatan anda. IT akan mendokumenkan insiden tersebut, menyahdayakan akses jauh ke peranti anda dan memaklumkan organisasi keselamatan kita. Keselamatan akan menentukan sama ada sebarang maklumat sulit telah di kompromi dan mengambil tindakan yang sesuai. Pastikan anda mendedahkan semua maklumat yang berada pada peranti tersebut termasuk sebarang maklumat pelanggan atau pesakit, supaya Syarikat boleh mematuhi semua undang-undang pada pencerobohan data yang berpotensi. Sentiasa pastikan bahawa komputer riba dan peranti mudah alih anda disimpan dengan selamat (sebagai contoh, dalam peti besi hotel jika anda meninggalkannya di dalam bilik hotel kosong anda dan sembunyikan jika berada dalam kenderaan anda, yang perlu dikunci jika perkakasan Syarikat berada dalam kenderaan).

SSeorang rakan sekerja saya telah menghubungi saya dan meminta nama bagi Naib Presiden Syarikat dan carta organisasi. Sebelum ini, dia pernah bekerja untuk Syarikat, ingin kembali dan ingin mengetahui tentang struktur pengurusan semasa. Bolehkah saya memberikan permintaan ini kepadanya?

JTidak Boleh. Maklumat tentang struktur pekerja dan organisasi adalah sulit. Maklumat sulit hanya boleh diberikan kepada mereka yang dibenarkan untuk memilikinya, kedua-dua secara dalaman dan luaran. Anda tidak boleh memberikan sebarang maklumat melainkan anda tahu ia wajar untuk berbuat demikian. Ini adalah semua maklumat dan produk kerja sebenar Syarikat. Dalam situasi ini, anda perlu memberitahu pemanggil bahawa maklumat itu adalah sulit dan anda tidak boleh memberikannya.

Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?



Hormati Privasi Pesakit, Pelanggan dan Pekerja

Sepanjang aktiviti perniagaan kita, Boston Scientific menerima maklumat perubatan dan maklumat peribadi yang lain tentang pesakit, pelanggan dan pekerja. Bahagian ini ditadbir oleh keperluan undang-undang yang ketat dan kami menghormati privasi maklumat sebegitu dan mengambil langkah sewajarnya untuk melindungi maklumat. Anda juga diharapkan untuk melindungi privasi maklumat ini. Hanya gunakan maklumat pesakit, pelanggan dan pekerja untuk tujuan perniagaan di mana ia dikumpulkan. Hanya kongsi maklumat dengan orang lain yang mempunyai sebab perniagaan yang sah untuk mengetahuinya dan apabila pendedahan itu tidak dilarang. Selain itu, pemindahan data peribadi antara negara mungkin memerlukan perjanjian undang-undang khas dan pergerakan data ini di luar Boston Scientific mesti sentiasa disulitkan. Seperti biasa, patuhi Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat, dan keperluan undang-undang yang telah ditetapkan.

Hanya kongsi maklumat dengan orang lain yang mempunyai sebab perniagaan yang sah untuk mengetahuinya dan apabila pendedahan itu tidak dilarang.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Soalan dan Jawapan

Saya mempunyai senarai pesakit yang telah menerima peranti Boston Scientific. Sesetengah daripada mereka telah melakukan dengan baik dan mempunyai pengalaman yang cemerlang. Bolehkah saya menghantar e-mel kepada pengurus kawasan saya dan memberitahu mereka tentang kejayaan dan menamakan pesakit?

JTidak Boleh. Nama pesakit adalah maklumat kesihatan yang dilindungi dan hanya boleh digunakan atau didedahkan kepada individu yang dibenarkan untuk tujuan khusus. Jangan hantar mesej dengan maklumat pesakit kecuali kepada ahli pasukan anda yang merawat pesakit dan hanya untuk tujuan yang dibenarkan. Contoh lain bagi maklumat kesihatan yang dilindungi boleh termasuk alamat, nombor rekod perubatan, nombor telefon, alamat e-mel, nombor keselamatan sosial, umur atau sebarang maklumat lain pesakit yang berkaitan dengan kesihatan fizikal atau mental seseorang individu, peruntukan penjagaan kesihatan kepada individu atau pembayaran untuk penjagaan kesihatan kepada individu.



Seorang bekas pekerja Boston Scientific telah menghubungi saya untuk bertanya jika saya boleh menghantar beberapa SOP dan dasar kepadanya yang telah dia tuliskan ketika dia berada di Boston Scientific. Bolehkah saya berbuat demikian?

JTidak Boleh. Ini dianggap sebagai maklumat Syarikat yang tidak boleh diberikan, walaupun jika bekas pekerja pada asalnya mencipta dokumen itu.

SNaib Presiden Pemasaran saya telah menghantar pembentangan kepada tenaga jualan lapangan saya termasuk beberapa data saintifik daripada artikel jurnal terkini tentang keberkesanan produk kita berbanding dengan produk pesaing kita. Pembentangan ditandakan sebagai 'Sulit' dan 'Kegunaan Dalam Sahaja.' Bolehkah jika saya menghantar pembentangan kepada beberapa orang pakar perubatan yang saya panggil, yang juga merupakan perunding untuk Boston Scientific?

JTidak Boleh. Sebarang dokumen Boston Scientific yang ditanda sebagai "Sulit" dan/atau "Kegunaan Dalam Sahaja" tidak boleh dikongsikan keluar dari Syarikat, walaupun jika anda berasa bahawa maklumat tersebut boleh membantu dalam memajukan perniagaan kita. Jika terdapat bahan yang dikhususkan sebagai dalaman atau sulit yang anda percaya perlu digunakan secara luaran, hubungi pengasas bahan tersebut dan minta mereka untuk mengikuti proses yang sesuai untuk melihat bahan dan diluluskan untuk kegunaan luar.

Sebarang dokumen Boston Scientific yang ditanda sebagai "Sulit" dan/atau "Kegunaan Dalam Sahaja" tidak boleh dikongsikan keluar dari Syarikat, walaupun jika anda berasa bahawa maklumat tersebut boleh membantu dalam memajukan perniagaan kita.

Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?



Tiada sesiapa yang sepatutnya memalsukan atau mengubah sebarang rekod Boston Scientific dengan cara yang tidak wajar. Jika anda tidak pasti tentang ketepatan maklumat, usahlah membuat tekaan.

Berhati-hati dengan Rekod

Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan rekod perniagaan yang lengkap dan tepat. Sediakan rekod dengan berhati-hati, sentiasa semak kerja anda dua kali dan ikut sebarang dasar dokumentasi yang telah ditetapkan. Tiada sesiapa yang sepatutnya memalsukan atau mengubah sebarang rekod Boston Scientific dengan cara yang tidak wajar. Jika anda tidak pasti tentang ketepatan maklumat, usahlah membuat tekaan. Lakukan apa yang terdaya untuk mendapatkan maklumat yang betul atau bincangkan situasi itu dengan pengurus anda. Untuk maklumat lanjut, sila berunding rujuk Garis Panduan Amalan Dokumentasi Yang Baik.

Amalan am yang terbaik bagi memastikan rekod perniagaan tepat dan lengkap termasuk: tepat dengan kemasukan masa dan perbelanjaan anda, mendokumenkan transaksi dengan tepat dan memastikan untuk memasukkan semua maklumat yang diperlukan. Selain itu, jangan tandatangan dengan nama orang lain, termasuk nama pelanggan atau nama rakan sekerja, memadamkan maklumat pada rekod korporat atau membelakangkan tarikh.

Biasakan diri anda dengan dasar dan jadual penyimpanan rekod Syarikat dalam pemilikan atau kawalan anda. Kekalkan dan lupuskan rekod Syarikat mengikut dasar pengekelan dokumen Boston Scientific. Rekod yang melibatkan litigasi atau penyiasatan kerajaan tidak boleh dimusnahkan sehingga perkara tersebut telah diputuskan. Untuk soalan tentang penyimpanan dan pengelasan dokumen, hubungi mana-mana daripada sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan.

Kami mengekalkan sistem prosedur dan kawalan perakaunan untuk memastikan pendedahan yang tepat dan mematuhi keperluan undang-undang yang telah ditetapkan. Anda perlu sentiasa mengikut prosedur Syarikat untuk melaporkan dan mendedahkan maklumat kewangan, dan bekerjasama dengan proses audit dalaman seperti yang diminta. Untuk soalan tentang rekod kewangan, hubungi Pengawal Korporat.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA



Soalan dan Jawapan

Saya telah diminta untuk menandatangani laporan kewangan yang saya percaya tidak tepat. Apakah yang patut saya lakukan?

JAnda perlu membincangkan perkara ini dengan pengurus anda dan menerangkan mengapa anda rasa ia tidak tepat. Jika laporan tidak tepat, ia perlu dibetulkan. Jika selepas membincangkan maklumat yang tidak tepat dengan pengurus, anda tidak berasa ia ditangani dengan secukupnya, bawaan isu itu ke hadapan dengan menghubungi mana-mana sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod.

SBaru-baru ini saya terdengar rakan sekerja bercakap tentang peranti baharu yang sedang dibangunkan. Bolehkah saya menyiarkan maklumat ini pada laman rangkaian sosial saya?

JTidak. Anda tidak dibenarkan untuk berkongsi maklumat sulit tentang Boston Scientific pada laman rangkaian sosial atau mana-mana forum umum lain (seperti blog atau bilik sembang). Selain itu, ketika menyiarkan sebarang komen tentang Boston Scientific pada laman ini, anda mesti menjelaskan bahawa anda tidak bercakap bagi pihak Boston Scientific, melainkan ia tugas anda untuk melakukannya dan anda bertindak dalam kebolehan rasmi anda. Rujuk kepada dasar Boston Scientific untuk maklumat lanjut tentang penggunaan media sosial yang betul.

Anda tidak dibenarkan untuk berkongsi maklumat sulit atau proprietari tentang Boston Scientific pada laman rangkaian sosial atau mana-mana forum umum lain.

Bagaimanakah Saya Boleh Mempamerkan Integriti di Tempat Kerja?

Soalan dan Jawapan

Saya perlu membuang bahan kimia pembersihan ke dalam tong kecil untuk digunakan pada barisan pengeluaran. Saya tidak pasti tentang bahaya bahan kimia itu atau perlindungan peribadi apa yang perlu saya pakai. Apakah yang patut saya lakukan?

Jika anda tidak pasti tentang tindakan yang betul untuk diambil, hubungi pasukan Alam Sekitar, Kesihatan & Keselamatan tempatan anda atau berunding dengan pengurus anda atau pengurus yang bertanggungjawab terhadap pengurus anda sebelum anda meneruskan dengan lebih lanjut. Jangan ambil risiko apabila tiba untuk mengendalikan bahan berbahaya.



Kekalkan Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat

Kita bertanggungjawab untuk mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat, menghormati alam sekitar dan mengekalkan sumber semula jadi. Dengan melindungi alam sekitar, kita membantu memastikan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerja kita. Jangan kurangkan keselamatan anda atau pekerja lain, dalam cara tugas dijalankan. Semua orang di Boston Scientific bertanggungjawab untuk keselamatan mereka dan rakan sekerja mereka. Ini bermakna anda diminta untuk:

- Ikut semua keperluan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan.
- Patuhi undang-undang dan dasar Syarikat yang telah ditetapkan mengenai penggunaan ubat/alkohol ketika di tempat kerja, di perniagaan Syarikat, di acara tajaan atau di acara yang dibayar oleh Syarikat atau ketika mewakili Syarikat dalam kerja anda.
- Laporkan keadaan bekerja yang tidak selamat dengan segera melalui sistem tempatan anda (contoh. melalui kad pemerhatian keselamatan, , papan idea, dsb.) atau kepada pengurus anda.
- Ambil tindakan untuk membetulkan sendiri keadaan bekerja yang tidak selamat, jika selamat dan wajar untuk berbuat demikian; jika anda tidak pasti tindakan yang betul untuk diambil, laporkan keadaan ini kepada pasukan Alam Sekitar, Kesihatan & Keselamatan tempatan, berunding dengan pengurus anda, atau hubungi mana-mana sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan.
- Tangani sebarang bahan berbahaya dengan betul.
- Lupuskan semua sisa mengikut dasar dan undang-undang Syarikat.
- Ikut prosedur keselamatan.
- Gunakan kecekapan sumber dan berusaha untuk mengurangkan, menggunakan semula atau mengitar semula sisa bila sahaja mungkin.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Kekalkan Persekitaran Kerja Yang Selamat


Kita bertanggungjawab untuk memastikan persekitaran kerja kita selamat. Boston Scientific tidak bertoleransi dengan sebarang jenis keganasan di tempat kerja yang dilakukan oleh atau terhadap mana-mana individu pada premis Syarikat, termasuk yang berikut:

- Keganasan atau ancaman yang ditunjukkan dengan sebarang cara komunikasi (contoh Surat, e-mel, media sosial, fotograf, secara lisan, dsb.).
- Bahasa ugutan atau sebarang tindakan agresif, keganasan atau ugutan fizikal yang dibuat oleh atau terhadap mana-mana pekerja atau individu gabungan Boston Scientific (contoh kontraktor bebas, penjual, pengedar) tanpa mengira sama ada kelakuan berlaku pada atau di luar premis, semasa atau di luar masa bekerja, tanpa mengira cara komunikasi.
- Memusnahkan, mencatitkan atau merosakkan hak milik Syarikat, pelanggan, penjual, pelawat atau pekerjanya secara sengaja atau tidak sengaja dalam bentuk ancaman tindakan keganasan atau keganasan.

Pekerja Boston Scientific perlu membantu memastikan kemudahan kita sentiasa selamat. Ini bermakna anda tidak boleh membenarkan seseorang masuk ke bangunan Boston Scientific tanpa usul periksa orang itu terlebih dahulu. Jika seseorang mengikut anda dan tidak mempunyai lencana, halakan individu itu ke meja keselamatan di pintu masuk bangunan dan laporkan orang ini kepada Keselamatan dengan segera.

Anda mesti memaklumkan kepada Bahagian Keselamatan Global jika terdapat sebarang situasi, termasuk kehidupan peribadi anda, yang boleh meletakkan anda atau pekerja lain Boston Scientific berisiko (contoh individu yang berbahaya yang boleh mencuba untuk pergi ke tempat kerja Boston Scientific anda). Bahagian Keselamatan Global akan mengambil semua langkah yang sesuai secara sulit untuk melindungi anda dan semua individu dalam tempat kerja kita.

Pekerja Boston Scientific perlu membantu memastikan kemudahan kita sentiasa selamat.



Sebagai pekerja Boston Scientific,
anda bertanggungjawab untuk memastikan
persekitaran kerja kita selamat.

Bagaimanakah **Integriti** Menjejaskan Interaksi Perniagaan Saya **Di Luar Tempat Kerja?**

Bertindak dengan integriti bermaksud pekerja Boston Scientific menjalankan urusan niaga yang adil dan jujur dengan pihak lain serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan kerajaan yang telah ditetapkan. Integriti ialah asas kepada perhubungan yang baik (contoh dengan pelanggan, wakil kerajaan, penjual dan pihak ketiga lain) dan semua yang kita lakukan dalam dan untuk Syarikat kita.




Bagaimanakah Integriti Menjejaskan Interaksi Perniagaan Saya **Di Luar Tempat Kerja?**

Soalan dan Jawapan

Saya seorang wakil jualan dan saya terlibat dalam perhubungan rapat dengan salah seorang pelanggan pakar perubatan di wilayah saya. Kami bersosial di luar waktu kerja dan mungkin membina perhubungan yang romantik. Adakah saya perlu memberitahu sesiapa tentang perkara ini?

JYa. Sekiranya perhubungan peribadi dan romantik yang rapat dibina dengan pelanggan atau pelanggan yang berpotensi, anda bertanggungjawab untuk mendedahkan ini kepada penyelia atau Bahagian Sumber Manusia anda dengan segera. Syarikat akan mengambil tindakan yang sesuai untuk mengelakkan konflik kepentingan yang sebenar atau tanggapan dengan pelanggan kita. Boston Scientific biasanya melarang pekerja daripada pemasaran, penjualan, promosi atau cubaan untuk memasarkan, menjual atau mempromosikan sebarang produk, perkhidmatan atau teknologi semasa atau yang dibangunkan Syarikat kepada pelanggan atau pelanggan yang berpotensi yang merupakan ahli keluarga atau rakan romantik. Boston Scientific tidak membenarkan pekerja untuk mendapat komisen, secara langsung atau tidak daripada jualan seperti itu.



Membina Kepercayaan Perhubungan Pelanggan

Perhubungan pelanggan yang bertahan lama adalah berdasarkan kepada integriti dan kepercayaan. Boston Scientific menghendaki semua maklumat mengenai produk adalah betul, tepat, lengkap, bermaklumat sepenuhnya, adil dan konsisten dengan pelabelan produk yang diluluskan dan keperluan undang-undang yang terpakai. Semua bahan jualan dan pemasaran mesti berdasarkan kepada fakta dan kajian yang didokumenkan. Ianya mesti mempunyai semua maklumat yang diperlukan oleh undang-undang yang telah ditetapkan dan pra-kelulusan mengikut dasar dan prosedur Syarikat.

Jangan sekali-kali mengorbankan integriti untuk membuat atau mengekalkan jualan. Aktiviti pemasaran dan jualan kita tidak boleh menggalakkan pelanggan atau wakil mereka untuk meletakkan kepentingan peribadi mereka melebihi kepentingan majikan atau pesakit mereka. Semua perihal yang bernilai, pembayaran dan budi bahasa, termasuk hidangan, mesti:

- Mematuhi keperluan undang-undang, etika yang diterima secara am dan standard penerima organisasi.
- Mematuhi semua dasar Syarikat yang telah ditetapkan berkuatkuasa dalam negara di mana kita menjalankan perniagaan.
- Konsisten dengan komitmen Boston Scientific terhadap integriti.

Beberapa pakar perubatan dan pakar penjagaan kesihatan lain bukan hanya pelanggan kita tetapi juga memberikan perkhidmatan yang bernilai kepada Boston Scientific. Sebagai contoh, mereka boleh menjalankan kajian yang melibatkan produk kita, memberikan maklum balas kritikal bagi pembangunan produk kita dan membantu mengajar pakar lain tentang penggunaan produk kita dengan selamat dan berkesan. Semua interaksi dengan pakar penjagaan kesihatan adalah tertakluk kepada potensi pengawasan rapi kerajaan dan umum. Dasar Syarikat menangani situasi ini dan mesti sentiasa dipatuhi.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Mengurus Pihak Ketiga

Apabila mengurus niaga dengan pembekal, kontraktor, perunding, pengedar, ejen atau pihak ketiga, anda diharapkan untuk:

- Memberikan peluang kepada pihak ketiga untuk bersaing secara adil.
- Bertindak secara adil dan jujur dalam semua urusan.
- Jangan galakkan pihak ketiga untuk melakukan apa-apa perkara yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar. Kita tidak meminta orang lain untuk melakukan apa yang kita sendiri tidak dibenarkan.
- Pertimbangkan sama ada terdapat potensi konflik kepentingan sebelum melibatkan pihak ketiga.
- Pilih pihak ketiga yang mempunyai kelayakkan reputasi untuk kualiti dan integriti.
- Pastikan semua susunan pihak ketiga mengikut dasar kita.

Selepas melibatkan pihak ketiga, berhati-hati dengan sebarang penunjuk bagi kelakuan yang tidak beretika atau tidak wajar. Jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan, sentiasa dapatkan panduan daripada pengurus anda atau mana-mana sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan.

Apabila memperolehi barangan atau perkhidmatan, Boston Scientific hanya akan membuat pembayaran kepada penyedia barangan atau perkhidmatan tersebut. Semua invois jualan barangan atau perkhidmatan mesti tepat dan telus mencerminkan barangan yang telah dibeli atau dijual pada harganya, diskaun, rebat atau barangan percuma yang diberikan. Jika diskaun atau rebat tidak diketahui pada masa jualan, hubungi Bahagian Undang-undang atau Pematuhan Global untuk membincangkan keperluan. Selain itu, kecuali dalam kes yang jarang berlaku dengan kelulusan Bahagian Undang-undang, Boston Scientific tidak boleh membuat pembayaran kepada penyedia barangan atau perkhidmatan dalam negara selain daripada di mana penyedia barangan atau perkhidmatan tinggal, mengekalkan tempat perniagaan atau telah memberikan perkhidmatan.

Soalan dan Jawapan

Saya mencari pengedar baharu dan saya mengikut semua dasar dan Prosedur Operasi Standard ("SOP") yang telah ditetapkan, walau bagaimanapun, pengedar menyatakan bahawa untuk memenangi tender untuk Boston Scientific, mereka perlu membidanya dengan segera. Pengedar yang dicadangkan masih belum melengkapkan keperluan kemasukan dalam Syarikat. Bolehkah untuk membenarkan pengedar membida pada tender itu?

JDasar dan SOP Boston Scientific menetapkan parameter bagi kita untuk menjalankan perniagaan dengan integriti. Amat penting untuk kita menetapkan parameter yang sama untuk pengedar kita seperti diri kita sendiri kita. Pengecualian mesti diluluskan seperti yang diperlukan oleh dasar dan/atau SOP kita.

SSalah satu daripada ejen pihak ketiga Boston Scientific yang berurusan dengan saya telah meminta kita untuk membayar komisenya kepada entiti lain yang terletak dalam negara yang berbeza. Adakah ini dibenarkan?

JTidak. Pembayaran kepada entiti selain daripada yang memberikan barangan atau perkhidmatan kepada Boston Scientific dan di negara lain selain daripada barangan atau perkhidmatan diberikan tidak dibenarkan. Pengurusan jenis ini adalah tanda amaran bagi kelakuan yang tidak wajar, kerana mereka boleh digunakan untuk mencipta dana lebihan untuk rasuah, melencongkan wang untuk pembayaran yang tidak wajar, menyembunyikan transaksi dan/atau mengelakkan cukai. Biasanya Boston Scientific melarang pengurusan seperti itu. Mungkin terdapat keadaan di mana ia sah, tempat mendorong dan didokumenkan untuk pengurusan seperti itu dan dalam kes ini, Undang-undang mesti pra luluskan pembayaran seperti itu.

Bagaimanakah Integriti Menjejaskan Interaksi Perniagaan Saya **Di Luar Tempat Kerja?**

Soalan dan Jawapan

S Produk Boston Scientific telah dihantar ke negara saya dari salah satu daripada kemudahan pengilangan Boston Scientific di Ireland. Produk telah sampai di pelabuhan negara saya, tetapi pelepasannya telah dilengahkan. Saya seorang pekerja Boston Scientific yang bertanggungjawab untuk logistik tempatan dan pegawai kastam tempatan memberitahu saya bahawa dia sangat sibuk dan sedikit “wang makan” secara tunai akan membantu dia mengutamakan pelepasan produk kita daripada kemudahan pelabuhan kastam. Bolehkah saya membuat pembayaran ini?

J Tidak Boleh. Boston Scientific tidak membuat pembayaran untuk menjamin perkhidmatan kerajaan dan ia tidak menjadikan tidak rasmi, pembayaran tidak dibenarkan kepada pegawai am berhubung dengan tugas mereka. Pembayaran jenis ini kadang-kala dipanggil “pembayaran pemudahan,” adalah tidak konsisten dengan komitmen Boston Scientific kepada etika dan integriti serta menyalahi undang-undang dalam kebanyakan negara.

S Seorang pakar perubatan untuk hospital kerajaan Eropah akan berusia 50 tahun. Saya ingin memberikan tiket untuk menonton Piala Dunia Bola Sepak akhir kepadanya yang akan diadakan di bandarnya. Saya rasa saya tidak dibenarkan untuk memberikan tiket kepadanya secara langsung, tetapi bolehkah saya memberikan tiket kepada isterinya?

J Tidak Boleh. Kita tidak boleh menawarkan hadiah kepada sesiapa pun jika kita mempunyai sebab untuk percaya bahawa ia akan diserahkan kepada kakitangan kerajaan atau pegawai am berkenaan. Dalam kebanyakan negara, pakar perubatan dan penyedia penjagaan kesihatan dalam sektor awam dianggap sebagai kakitangan kerajaan dan/atau pegawai am. Biasanya hadiah tertakluk kepada sekatan. Sila rujuk dasar Boston Scientific untuk memahami peraturan khusus negara tentang hadiah.



Berhati-hati berinteraksi dengan Pegawai Kerajaan atau Pegawai Am Lain

Boston Scientific banyak berinteraksi dengan kakitangan kerajaan dan pegawai kerajaan am keseluruhannya di seluruh dunia. Di kebanyakan negara, interaksi dengan kakitangan kerajaan dan pegawai kerajaan am lain diperintah terikat dengan peraturan yang sangat ketat. Interaksi seperti itu mesti mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan dijalankan dengan integriti. Anda tidak boleh berbuat apa-apa yang boleh dilihat sebagai percubaan untuk mempengaruhi keputusan kerajaan, pegawainya atau kakitangannya secara tidak wajar atau yang boleh dilihat seperti menggalakkan kakitangan kerajaan atau pegawai am untuk melanggar peraturan yang dikenakan kepada mereka. Jangan tawarkan atau menerima apa-apa yang bernilai dan boleh dilihat sebagai rasuah atau sogokkan. Ingat bahawa rasuah tidak hanya terhad kepada pertukaran wang tetapi boleh juga termasuk menjanjikan atau memberikan hadiah, hiburan, pakej pelancongan atau sebarang bentuk pertolongan. Jika kakitangan kerajaan atau pegawai am meminta atau menuntut sebarang manfaat seperti itu, laporkan perkara ini kepada mana-mana sumber yang tersenarai di bahagian akhir Kod Tatakelakuan.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA



Di banyak negara, interaksi dengan kakitangan kerajaan dan pegawai kerajaan lain dikawal dengan peraturan yang sangat ketat.

Soalan dan Jawapan

S Saya mengambil pekerja untuk jawatan di jabatan saya. Salah seorang pemohon adalah anak perempuan kepada seorang kakitangan kerajaan yang berpangkat tinggi, seorang yang berpengaruh yang boleh memberi manfaat kepada Boston Scientific. Bolehkah saya mengambil dia bekerja?

J Calon untuk mana-mana jawatan di Boston Scientific mesti dinilai secara objektif menggunakan kriteria yang diwujudkan untuk jawatan itu. Anda tidak boleh mencipta jawatan dan/atau mengambil individu untuk bekerja untuk mempengaruhi atau menganugerahkan kakitangan kerajaan atau pegawai am berkenaan, atau untuk mendapatkan perniagaan atau pertolongan dengan HCP atau pelanggan lain. Anda perlu bekerja bergandingan dengan bahagian Undang-undang untuk menilai sama ada anda boleh meneruskan proses pengambilan individu ini bekerja.

S Seorang perunding menawarkan untuk memperoleh semua kelulusan kawal selia dalam negara yang perlu dengan yuran pembendungan sebanyak \$50,000. Dia berkata bahawa wang tersebut akan “membantu mempercepatkan proses.” Sebenarnya saya tidak tahu ke mana wang itu pergi. Adakah ini satu masalah?

J Ya. Aktiviti ini seperti mencurigakan. Syarikat tidak akan membuat sebarang pembayaran yang boleh diertikan sebagai rasuah. Anda perlu mengetahui perkhidmatan apa yang sebenarnya disediakan dan pembayaran apa yang akan perunding lakukan bagi pihak Boston Scientific, jika ada. Jika anda tidak dapat memperoleh maklumat ini, anda perlu berasa bimbang tentang sebab pembayaran itu. Anda juga perlu menghubungi Bahagian Undang-undang atau Pematuhan Global sebelum memberikan respons kepada cadangan perunding. Perunding akan memerlukan kontrak yang menerangkan perkhidmatan, invois dan dokumentasi terperinci untuk perkhidmatan yang diberikan.

Bagaimanakah Integriti Menjejaskan Interaksi Perniagaan Saya **Di Luar Tempat Kerja?**

Soalan dan Jawapan

Saya seorang Pengurus Wilayah dan semasa mesyuarat terakhir saya dengan pentadbir hospital, beliau memberikan senarai produk penuh pesaing, lengkap dengan maklumat harga. Bolehkah saya menghantar senarai ini kepada pasukan pengurusan saya?

JTidak Boleh. Anda tidak boleh menerima atau menyemak maklumat ini. Komitmen kita terhadap integriti dan melindungi maklumat sulit menjangkau sehingga melindungi maklumat sulit pesaing kita, tambahan di situasi seperti ini di mana anda tidak memintanya. Apa yang boleh anda lakukan ialah hanya serahkan maklumat itu kembali kepada pentadbir hospital dan beritahu kepadanya bahawa anda tidak boleh menerimanya. Respons lain, jika anda menerimanya secara elektronik, ialah untuk menghapuskannya dan memberitahu kepada penghantar bahawa anda telah menghapuskannya dan memintanya agar beliau tidak lagi menghantar sebarang maklumat tambahan seperti itu.




Bersikap Adil kepada Semua Orang

Boston Scientific menghendaki anda untuk mengurus niaga dengan setiap orang ecara adil. Ini bermakna anda tidak boleh mengambil kesempatan keatas sesiapa pun dengan menyalahgambarkan atau meninggalkan fakta penting, atau melalui sebarang amalan perniagaan yang tidak adil. Anda tidak boleh sekali-kali menyalahgambarkan atau menyembunyikan identiti anda. Boston Scientific menyokong persaingan yang adil, sihat dan sama-rata. Undang-undang antipakat, persaingan yang adil dan anti monopoli membantu mengekalkan persaingan yang adil dan menghadkan kelakuan yang menyinggung. Semasa kita mencari maklumat yang berkaitan dengan perniagaan pesaing, kita harus melakukannya dengan cara yang sah dan beretika seperti dokumen umum. Anda tidak sepatutnya mendedahkan maklumat sulit yang anda mungkin ketahui atau menggalakkan orang lain untuk mendedahkan maklumat sulit yang mungkin mereka ada tentang syarikat lain. Lebih lagi, elakkan daripada menyebarkan khabar angin tentang syarikat lain atau meneka tentang kualiti produk mereka secara tidak adil.

Anda perlu elak walaupun untuk kelihatan seperti kelakuan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika sama sekali. Ini bermakna anda perlu:

- Jangan bincangkan “topik sensitif” dengan sesiapa pun atau syarikat di luar Boston Scientific tanpa memperoleh nasihat daripada bahagian undang-undang terlebih dahulu. “Topik sensitif” termasuk semua aspek merangkumi harga produk, terma menjalankan perniagaan, pasaran produk, pembangunan produk, pelan pemasaran dan jualan, dan kos penting, seperti kos kajian dan pembangunan atau buruh.
- Tamatkan perbualan dengan segera jika pesaing mengemukakan topik sensitif. Dokumentkan penolakan anda untuk menyertai perbualan dan maklumkan kepada bahagian undang-undang.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA



Hormati Harta Intelektual

Boston Scientific melindungi hak harta intelektual bagi paten, nama dagangan, tanda dagangan, hak cipta, rahsia dagangan dan harta intelektual lain. Kita juga menghormati hak harta intelektual orang lain. Hubungi Bahagian Undang-undang jika anda mempunyai sebarang soalan tentang menggunakan harta berlesen seperti perisian atau penerbitan. Jika anda percaya Boston Scientific mungkin mencabuli hak harta intelektual orang lain, atau hak mereka sendiri dicabuli, anda perlu menghubungi bahagian undang-undang dengan segera.

Sokongan Terhadap Tanggungjawab Sosial Korporat

Tanggungjawab Sosial Korporat ialah cara kita mengintegrasikan prinsip sosial, persekitaran dan etika melalui kerjasama dengan semua pihak berkepentingan, termasuk pekerja, pelanggan, pelabur dan komuniti dengan menyokong perlindungan planet, manusia dan harta kita secara peribadi. Sudah menjadi tanggungjawab kita untuk bertindak sebagai rakyat korporat yang baik dalam komuniti tempat kita tinggal dan bekerja, termasuk menyokong program pendidikan untuk pelajar, inisiatif kesihatan, program menyantuni komuniti pekerja dan usaha kelestarian persekitaran.

Soalan dan Jawapan

Salah seorang pekerja yang saya selia pernah bekerja dengan pesaing sebelum ini. Dia memberitahu kepada saya bahawa dia masih memiliki prosedur kualiti pesaing, yang tidak diketahui secara umum. Dia bertanya sama ada saya ingin melihatnya. Saya ingin melihatnya. Apakah yang patut saya lakukan?

JJangan terima atau semak maklumat itu. Boston Scientific tidak berhak untuk berbuat demikian. Seajar dengan komitmen kita kepada integriti, kita tidak akan menggunakan maklumat seperti itu, walaupun kita memilikinya. Anda juga boleh membantu pekerja anda untuk memahami kewajipan dengan bekas majikannya dengan lebih baik. Jika pekerja anda memiliki maklumat sulit pesaing, anda perlu menghubungi Bahagian Undang-undang.

Boston Scientific melindungi hak harta intelek bagi paten, nama dagangan, tanda dagangan, hak cipta, rahsia dagangan dan hak harta intelek lain.



Boston Scientific menyokong persaingan yang adil dan bersemangat dalam bidang yang sama rata.

Apakah **Undang-undang** atau **Keperluan** Tambahan Yang Membimbing **Komitmen Saya** kepada **Integriti**?

Kita bekerja dalam persekitaran yang dikawal selia dengan tahap yang tinggi. Lanya kritikal untuk anda menyedari sebarang keperluan yang dikenakan kepada aktiviti kerja anda. Ini boleh termasuk peraturan tentang kajian klinikal, pembangunan produk, pengilangan, promosi produk, perlindungan data, interaksi pelanggan dan bil untuk produk dan perkhidmatan yang berkaitan. Terdapat juga undang-undang yang mentadbir aktiviti lain, seperti keperluan import dan eksport, pemindahan data peribadi merentasi sempadan, peraturan dan keperluan perdagangan saham yang merangkumi aktiviti dan sumbangan politik. Anda perlu tahu cara untuk terlibat dengan media, kerajaan dan peguam luar. Biasakan diri dan patuhi semua keperluan yang telah ditetapkan adalah komponen penting integriti dan kualiti di tempat kerja.



Apakah **Undang-undang** atau **Keperluan** Tambahan Yang Membimbing **Komitmen Saya** kepada **Integriti**?

Soalan dan Jawapan


S Bagaimanakah jika penyedia penjagaan kesihatan bertanya tentang penggunaan tanpa label untuk produk Boston Scientific?

J Jika anda ditanya tentang penggunaan tanpa label, beritahu kepada penyedia penjagaan kesihatan itu bahawa penggunaan keselamatan dan keberkesanan itu masih belum ditubuhkan dan terangkan bahawa Syarikat tidak menggalakkan penggunaan produk tanpa label. Jawab soalan dengan jujur, cara yang bukan promosi dan jangan panjangkan perbincangan atau galakkan penggunaan tanpa label. Perbincangan yang berfokuskan pada penggunaan tanpa label, walaupun jika dimulakan oleh pakar perubatan, boleh dilihat sebagai promosi tanpa label. Perbincangan anda perlu menumpukan pada maklumat yang telah disepakati oleh Syarikat melalui proses kelulusan untuk digunakan dengan penyedia penjagaan kesihatan.

S Saya menjadi hos majlis makan malam perniagaan untuk beberapa orang pekerja dan pelanggan serta berbelanja lebih daripada had perbelanjaan hidangan. Apakah yang patut saya lakukan?

J Anda perlu menyenaraikan dengan tepat nama setiap orang yang hadir pada majlis makan malam itu dan beritahu kepada pengurus anda yang anda telah berbelanja lebih daripada had perbelanjaan hidangan yang telah ditetapkan. Anda tidak boleh mengubah resit, menambah nama para hadirin yang tidak hadir di pada majlis makan malam itu atas apa jua keadaan dalam usaha anda untuk mengurangkan kos untuk satu orang seorang, yang boleh memberikan maklumat yang tidak tepat berhubung dengan majlis makan malam itu.

Undang-undang dan peraturan yang dikenakan kepada syarikat peranti perubatan terus berkembang.



Berhati-hati dengan Keperluan Klinikal, Kawal Selia dan Program Penjagaan Kesihatan

Produk Boston Scientific dikawal rapat oleh agensi kerajaan, kementerian kesihatan dan pihak berkuasa kawal selia lain di seluruh dunia. Boston Scientific menghendaki anda untuk mematuhi semua keperluan klinikal, kawal selia dan program penjagaan kesihatan di negara di mana mereka menjalankan perniagaan. Undang-undang dan peraturan yang dikenakan kepada syarikat peranti perubatan terus berkembang. Anda mesti berhati-hati dengan undang-undang dan peraturan yang boleh menjejaskan kerja anda. Jika anda tidak pasti, anda perlu bertanya kepada pengurus anda atau menghubungi Bahagian Pematuhan Global atau Undang-undang.

Boston Scientific tidak mengupah atau mengekalkan individu untuk bekerja dalam operasi Amerika Syarikat yang telah diisytiharkan sebagai tidak layak oleh agensi kerajaan Amerika Syarikat daripada menyertai program penjagaan kesihatan kerajaan A.S. atau proses pembangunan ubat. Boston Scientific mencari pangkalan data kerajaan Amerika Syarikat yang telah ditetapkan untuk individu tidak layak itu. Mana-mana pekerja Amerika Syarikat yang tidak layak atau mengetahui bahawa dia mungkin akan menjadi individu yang tidak layak, mesti mendedahkan perkara ini kepada Bahagian Pematuhan Global dengan segera.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Memahami Peraturan Perdagangan Saham

Jika anda berdagang dengan saham Boston Scientific, jangan terlibat dengan “perdagangan orang dalam”. Perdagangan orang dalam bermakna terlibat dalam transaksi sekuriti syarikat (misalnya, membeli atau menjual saham syarikat) dan pada masa yang sama sedar atau memiliki “maklumat bukan awam syarikat” tentang syarikat itu atau sekuritinya. ‘Maklumat bukan awam Syarikat’ merupakan informasi berkaitan saham syarikat. Semasa mempertimbangkan sama ada maklumat tersebut adalah “maklumat bukan awam syarikat”, tanya soalan berikut kepada diri anda:

- Adakah maklumat itu telah dikeluarkan kepada umum oleh syarikat, atau sebaliknya adakah maklumat yang diketahui oleh orang awam secara umum? Jika tidak, ia bukan maklumat untuk awam.
- Adakah pelabur yang munasabah akan menganggap maklumat ini penting semasa membuat keputusan pelaburan? Jika ya, ia mungkin “maklumat bukan awam syarikat”.
- Adakah pendedahan awam bagi maklumat ini mempengaruhi harga sekuriti Boston Scientific dengan munasabah? Jika ya, ia mungkin “maklumat bukan awam syarikat”.

Pemberian “bayangan” kepada sesiapaapun adalah dilarang — termasuk pekerja, keluarga atau rakan lain Boston Scientific — untuk membolehkan berdagang saham Boston Scientific berdasarkan kepada maklumat syarikat yang tidak tersedia kepada umum.

Ingat bahawa peraturan ini tidak hanya dikenakan kepada sekuriti dan maklumat Boston Scientific. Peraturan kita menjangkau hingga perdagangan saham pesaing kita dan perniagaan lain. Oleh itu, anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga bagi perdagangan orang dalam yang sama dengan mana-mana maklumat yang anda ketahui tentang pihak ketiga daripada kerja anda di Boston Scientific. Anda perlu menyemak Dasar Perdagangan Saham Syarikat sebelum terlibat dalam sebarang transaksi sekuriti Syarikat. Sila hubungi Bahagian Undang-undang dengan sebarang soalan.

Soalan dan Jawapan

S Saya tidak pasti maksud “maklumat bukan awam syarikat”. Bagaimanakah saya tahu apabila saya mempunyainya?

J Secara umum, maklumat ialah informasi jika ia didedahkan kepada umum, dijangkakan boleh menjejaskan harga sekuriti syarikat dan keputusan pelabur tentang membeli atau menjual sekuriti. Maklumat bahan boleh termasuk keputusan kewangan, pertukaran pengurusan eksekutif, penyiataan kerajaan, pengambil-alihan atau penjualan perniagaan dan panggil balik produk, selain perkara lain. Maklumat adalah bukan umum jika syarikat tidak mengeluarkan kenyataan media atau tidak memberikan maklumat itu kepada umum dan tidak diketahui oleh umum. Jika anda tidak pasti sama ada anda mempunyai maklumat bahan bukan umum bahan, anda perlu menghubungi pengurus atau Bahagian Undang-undang anda sebelum berdagang.



Apakah **Undang-undang** atau **Keperluan** Tambahan Yang Membimbing **Komitmen Saya** kepada **Integriti**?

Soalan dan Jawapan

Saya kenal seseorang daripada syarikat lain yang telah didatangi oleh pegawai FDA di satu persidangan. Pegawai itu bertanya soalan terperinci tentang kerjanya dan syarikat yang membuatkan dia berasa tidak selesa. Apakah yang perlu saya lakukan jika ia berlaku kepada saya?

Janda perlu meminta untuk melihat kelayakan pegawai itu, dapatkan maklumat beliau dan beritahu kepadanya bahawa anda ingin menyemak dengan Syarikat sebelum meneruskan dengan lebih lanjut dan rujuk beliau kepada wakil Boston Scientific yang sesuai untuk menjawab kebimbangannya. Kemudian anda perlu bercakap dengan Bahagian Undang-undang dengan segera. Syarikat bekerjasama dengan wakil kerajaan. Walau bagaimanapun, Bahagian Undang-undang perlu memahami situasi itu sebelum memberikan maklumat Syarikat dan juga untuk memastikan bahawa wakil Boston Scientific yang sesuai terlibat dengan kerajaan.



Ketahui Cara untuk Terlibat dengan Media, Kerajaan dan Peguam

Adalah penting untuk memahami apa yang perlu dilakukan jika anda dihipir oleh media, kerajaan atau peguam luar. Keluaran media dan berhubung dengan media berita, penganalisis sekuriti atau bank pelaburan berlaku hanya melalui ahli Jabatan Komunikasi Korporat, Hal Ehwal Kerajaan dan Perhubungan Pelabur kita yang dibenarkan. Bahagian Undang-undang perlu menjadi sebahagian daripada pihak yang berinteraksi yang melibatkan kerajaan atau peguam luar. Ini adalah garis panduan yang kita jangka anda untuk ikuti:

- Jangan komen, sahkan atau menafikan apa-apa kenyataan berkaitan dengan perniagaan Syarikat, melainkan anda dibenarkan oleh Syarikat untuk melakukannya.
- Jika ahli media berita menghubungi anda, rujuk orang ini kepada Bahagian Komunikasi Korporat.
- Jika penganalisis, agensi penarafan atau bank pelaburan menghubungi anda, rujuk orang ini kepada Jabatan Perhubungan Pelabur.
- Jika peguam luar atau pegawai kerajaan menghubungi anda berkaitan dengan perkara Syarikat, hubungi Bahagian Undang-undang.
- Jika anda menerima saman, aduan undang-undang, sepina atau dokumen undang-undang yang serupa berkaitan dengan perkara Syarikat, berunding dengan Bahagian Undang-undang dengan segera. Anda juga perlu mengikut mana-mana dasar tempatan yang telah ditetapkan.



Berhati-hati dengan Undang-undang Import, Eksport dan Anti Boikot

Di kebanyakan negara dimana kita beroperasi mempunyai undang-undang yang mengawal import dan eksport teknologi, maklumat peribadi, peranti perubatan dan barangan yang lain. Kerajaan juga secara berkala, mengenakan sekatan dagangan terhadap negara, entiti dan individu tertentu. Pastikan anda memahami semua dasar import dan eksport Syarikat yang dikenakan pada kerja anda. Hubungi Bahagian Undang-undang bila sahaja persoalan timbul.

Sesetengah negara mempunyai undang-undang terancang yang melarang daripada menjalankan perniagaan dengan negara lain. Undang-undang ini biasanya dirujuk sebagai boikot. Semua permintaan untuk Boston Scientific bekerjasama dalam boikot mesti dilaporkan kepada Bahagian Undang-undang. Laporkan sebarang permintaan untuk maklumat tentang urus niaga kita dengan negara di bawah boikot. Kita diminta oleh undang-undang untuk melaporkan permintaan tertentu kepada kerajaan. Hubungi Bahagian Undang-undang jika ada sebarang kebimbangan atau soalan.



Hubungi Jabatan Undang-Undang bila-bila mana pertanyaan timbul tentang sumbangan politik atau undang-undang import, eksport atau pencegahan boikot.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Apakah **Undang-undang** atau **Keperluan** Tambahan Yang Membimbing **Komitmen Saya kepada Integriti**?



Fahami Sekatan yang Melibatkan Aktiviti dan Sumbangan Politik

Semua orang bebas untuk menyertai proses politik. Walau bagaimanapun, dalam berbuat demikian, anda tidak boleh mencipta tanggapan yang anda bercakap atau bertindak bagi pihak Boston Scientific melainkan anda bekerja dengan pasukan Hal Ehwal Kerajaan Syarikat.

Menjadi tanggungjawab anda untuk mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dengan sumbangan politik. Sebarang jenis sumbangan mesti mengikut prinsip Kod Tatakelakuan dan dasar yang telah ditetapkan. Boston Scientific tidak boleh menyumbang wang, masa, perkhidmatan atau harta kepada calon atau parti politik melainkan ia dibenarkan oleh undang-undang tempatan, dibuat melalui entiti politik khas dan diluluskan oleh Naib Presiden Kanan atau jawatan lebih tinggi terlebih dahulu. Jika anda mempunyai soalan tentang membuat sumbangan politik, anda perlu menghubungi pasukan Hal Ehwal Kerajaan Boston Scientific untuk panduan lanjut.

Ini menjadi tanggungjawab anda untuk mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dengan sumbangan politik. Sebarang jenis sumbangan hendaklah mengikut prinsip Tatakelakuan dan dasar yang terpakai.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Apakah yang Perlu Saya Lakukan Jika Saya Mempunyai **Soalan** atau **Kebimbangan**?

Biarkan suara anda didengari. Jika anda berasa integriti anda di kompromi, bercakap dengan pengurus anda atau hubungi mana-mana sumber yang disenaraikan dalam bahagian akhir Kod Tatakelakuan. Selain itu, berilah sokongan kepada mereka yang mengemukakan kebimbangan dengan niat baik dan berilah kerjasama dalam siasatan yang dijalankan. Mendidik diri anda sendiri tentang pilihan yang betul merupakan satu bahagian yang besar bagi merealisasikan integriti setiap hari.



Apakah yang Perlu Saya Lakukan Jika Saya Mempunyai **Soalan** atau **Kebimbangan**?

Soalan dan Jawapan

SBolehkah saya menghubungi Talian Nasihat dan kekal tanpa nama?

JYa. Talian Nasihat membenarkan laporan dibuat tanpa nama, kecuali di mana undang-undang tempatan menyekatnya. Dalam situasi sedemikian, pemanggil akan dirujuk kepada sumber alternatif. Tambahan pula, jika anda memilih untuk tidak memberikan nama anda ketika melaporkan kebimbangan, kami tidak dapat memperoleh butiran tambahan jika perlu. Ia juga lebih sukar untuk memberikan penyelesaian yang mungkin kepada anda tentang penyelesaian kebimbangan dan maklumat kepada anda. Jika anda memilih untuk menyatakan nama anda, maka identiti anda dan hakikat bahawa laporan itu telah dibuat akan dirahsiakan sebaik yang mungkin.



Bangkitkan Soalan dan Kebimbangan

Kebimbangan integriti timbul dan boleh melibatkan orang yang baik dengan niat yang terbaik. Mengetahui apa yang perlu dilakukan boleh menjadi sukar. Jika anda tidak pasti, minta nasihat.

- Bercakap dengan pengurus anda atau pengurus bagi pengurus anda.
- Hubungi Bahagian Pematuhan Global, Sumber Manusia, Undang-undang, Audit Dalaman Global, Keselamatan Global atau mana-mana sumber lain yang tersenarai di penghujung Kod Tatakelakuan ini.
- Hubungi Talian Nasihat, nombor telefon bebas tol yang semua orang boleh hubungi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu.
- Hubungi Talian Nasihat secara dalam talian menerusi www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com.

Talian Nasihat mengendalikan panggilan dalam pelbagai bahasa. Gunakan Talian Nasihat untuk bertanya soalan, memperoleh panduan atau melaporkan kebimbangan integriti. Nombor bebas tol ialah **1-888-968-8425**. Kita semua bertanggungjawab untuk mengemukakan sebarang kebimbangan integriti atau pelanggaran yang diketahui atau disyaki bagi Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat dan undang-undang telah ditetapkan dengan segera. Jika anda tidak pasti apa yang boleh dilakukan, bertanya soalan dan dapatkan nasihat.

Kebimbangan integriti timbul dan boleh melibatkan orang yang baik dengan niat yang terbaik.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA



Menyokong Orang Lain yang Bertanya Soalan atau Mengemukakan Kebimbangan Dengan Niat Baik

Boston Scientific tidak bertoleransi dengan apa-apa bentuk tindakan balas terhadap individu akibat laporan yang dibuat dengan niat baik kerana kebimbangan Kod Tatakelakuan, dasar dan prosedur Syarikat, ataupun integriti. Tindakan balas juga dilarang terhadap sesiapaupun yang menyertai sesuatu penyiasatan terhadap laporan seperti itu. Ini termasuk laporan yang dibuat atau disiasat oleh Boston Scientific, kerajaan atau pegawai kerajaan. Boston Scientific juga tidak bertoleransi terhadap sebarang tindakan balas yang dilarang oleh undang-undang yang telah ditetapkan.

Bekerjasama dengan Penyiasatan

Syarikat memberikan respon dengan segera dan sebahagiannya kepada soalan, kebimbangan dan laporan salah laku. Penyiasatan disimpan sebagai sulit di bawah keadaan itu. Kita semua mesti bekerjasama sepenuhnya dengan aktiviti penyiasatan oleh Boston Scientific. Ini termasuk kewajipan untuk berlaku jujur sepenuhnya dan berterus terang dengan orang yang menjalankan siasatan.

Soalan dan Jawapan

SSaya telah mengemukakan kebimbangan integriti kepada pengurus saya dan menerima penilaian prestasi yang lemah selepas itu. Saya rasa ini mungkin tindakan balas kerana mengemukakan kebimbangan. Apakah yang patut saya lakukan?

JAnda perlu menghubungi wakil Sumber Manusia anda atau mana-mana sumber yang disenaraikan dalam bahagian akhir Kod Tatakelakuan. Tanpa maklumat lanjut, kami tidak tahu sama ada tindakan balas telah berlaku. Walau bagaimanapun, ia penting untuk anda, pengurus anda dan Syarikat untuk menangani tanggapan tindakan balas yang berkemungkinan. Jika tindakan balas ada berlaku, Syarikat akan mengambil tindakan pembetulan yang sesuai.



Apakah yang Perlu Saya Lakukan Jika Saya Mempunyai **Soalan** atau **Kebimbangan**?



Boston Scientific memandang serius pelanggaran Tatakelakuan ini, dasar dan prosedur Syarikat, serta undang-undang yang terpakai.

Memahami Akibatnya

Boston Scientific mengambil pelanggaran Kod Tatakelakuan ini, dasar dan prosedur Syarikat, dan undang-undang yang telah ditetapkan dengan serius. Di mana sesuai, Syarikat mengambil tindakan pembedahan dengan segera, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan. Tindakan pembedahan juga boleh berlaku atas sebab lain, termasuk jika anda:

- Mengarahkan orang lain untuk melanggar undang-undang, peraturan atau dasar dan prosedur Syarikat atau undang-undang yang telah ditetapkan.
- Mengetahui pelanggaran atau pelanggaran yang berpotensi dan gagal melaporkannya.
- Gagal untuk memantau tindakan orang yang bekerja untuk anda dengan berkesan.
- Gagal untuk bekerjasama dalam audit atau penyiasatan Syarikat.
- Memberikan maklumat palsu, mengelirukan atau tidak lengkap semasa audit atau penyiasatan Syarikat.
- Gagal untuk menyertai latihan yang diperlukan.
- Tindakan balas terhadap seseorang kerana melaporkan kebimbangan integriti dengan niat yang baik atau kerana menyertai penyiasatan bagi laporan seperti itu.
- Mendedahkan maklumat yang diketahui semasa penyiasatan dalaman.

Tindakan pembedahan atau disiplin adalah berdasarkan pada, tahap seriusnya pelanggaran dan kekerapan pelanggaran. Ia mungkin berbeza bergantung kepada undang-undang tempatan. Pelanggar undang-undang dan peraturan kerajaan yang disebutkan dalam Kod Tatakelakuan boleh mendedahkan diri mereka dan Syarikat kepada penalti kerosakan sivil dan jenayah sepadan, termasuk hukuman penjara.

TALIAN NASIH
www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com
HUBUNGAN INTERNET SELURUH DUNIA

Sumber untuk Bertanya Soalan atau Melaporkan Kebimbangan



Sumber untuk Bertanya Soalan atau Melaporkan Kebimbangan


Di manakah Saya Boleh Mendapatkan Bantuan?

Mulakan dengan pengurus anda atau pengurus kepada pengurus anda. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah kes, anda mungkin berasa lebih selesa untuk bercakap dengan orang lain. Senarai di bawah tersedia untuk anda.

Satu sumber ialah Talian Nasihat, nombor telefon bebas tol yang sesiapa sahaja boleh hubungi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Talian Nasihat mengendalikan panggilan dalam pelbagai bahasa. Gunakan Talian Nasihat untuk bertanya soalan, memperoleh panduan atau melaporkan kebimbangan integriti.

- Dari Amerika Syarikat, Kanada dan Puerto Rico, dail: **1-888-968-8425**.
- Dari lokasi Boston Scientific lain, gunakan nombor telefon dalam bahagian akhir Kod Tatakelakuan ini.
- Akses Talian Nasihat dalam talian juga tersedia 24/7 menerusi **www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com**.

Sumber lain termasuk Bahagian Pematuhan Global, Sumber Manusia, Undang-undang, Audit Dalaman Global, Privasi Global dan Keselamatan Global.



Menghubungi Talian Nasihat

Dari Amerika Syarikat, Kanada dan Puerto Rico, Talian Nasihat boleh diakses dengan mendail: **1-888-968-8425**. Untuk semua negara lain, hubungi nombor yang diarahkan di bawah. Sesetengah negara mungkin meminta anda untuk memasukkan nombor selepas mendail; jika diminta, dail **1-888-968-8425**. Senarai yang dikemas kini juga tersedia dengan melayari **https://secure.ethicspoint.com/domain/media/en/gui/23065/phone.html**.

Jika anda tidak dapat menghubungi melalui nombor yang dicetak di bawah atau anda tidak nampak negara anda disenaraikan, sila hubungi operator tempatan anda dan caj balik ke **503-906-8418**. Sila nyatakan bahawa anda merupakan pekerja Boston Scientific.

Jika anda berasa lebih selesa untuk menghubungi Talian Nasihat dalam talian, anda boleh melakukannya di mana-mana tempat, dalam mana-mana bahasa pada bila-bila masa dengan melayari **www.BostonScientificAdviceLine.ethicspoint.com**. Anda juga boleh menghubungi Jabatan Pematuhan Global melalui e-mel (**Global.Compliance@bsci.com**).

Argentina (Inggeris)	0-800-444-8084	Ireland	1-800615403	Singapura	800-1204201
Argentina (Española)	0-800-555-0906	Israel	1-809-21-4405	Afrika Selatan	0800222780
Australia	1-800-339276	Itali	800-786907	Sepanyol	900-991498
Austria	0800-291870	Jepun	120983762	Sweden	0201408232
Belgium	0800-77004	Korea (Inggeris)	00308-110-480	Switzerland	0800-562907
Brazil	0800-8911667	Korea (Inggeris)	00798-1-1-009-8084	Taiwan	00801-13-7956
Kanada (Inggeris)	1-888-968-8425	Korea (Korea)	00798-14-800-6599	Thailand	001-800-12-0665204
Kanada (Perancis)	1-855-350-9393	Lubnan	01-426-801	Turki	0811-288-0001
China	4008423466		Apabila diminta, masukkan nombor Talian Nasihat: 888-968-8425		Apabila diminta, masukkan nombor Talian Nasihat: 888-968-8425
Colombia	01800-9-155860	Malaysia	1-800-80-8641	Emiriah Arab Bersatu	80000-021
Costa Rica	0800-0121386	Mexico (Inggeris)	001-866-737-6850	Emiriah Arab Bersatu (du)	8000-555-66
Republikj Czech	800-142-550	Mexico (Española)	001-8008407907	Emiriah Arab Bersatu (USO dan selular tentera)	8000-061
Denmark	80-882809	Netherlands	08000900127	United Kingdom	0800-032-8483
Finland	0800-1-14945	New Zealand	0800-447737	Vietnam (Vietnam)	1-201-0288
Perancis	0800-902500	Norway	800-15654	Vietnam (Inggeris)	1-228-0288
Jerman	0800-1016582	Puerto Rico	1-888-968-8425		
Greece	00800-12-6576	Filipina	1-800-1-114-0165		
Hong Kong	800-964214	Poland	0-0-800-1211571		
Hungary	06-800-17199	Portugal	8008-12499		
India	000-800-001-6112	Rusia	4999516134		
India	000-800-100-1071				
Indonesia	001-801-10				



A

alkohol28

tanpa nama..... 12, 46

pencegahan boikot.....43

alkohol28

tanpa nama..... 12, 46

pencegahan boikot.....43

pencegahan monopoli.....36

antitrust36

B

boikot.....43

rasuah/sogokan..... 33, 34, 35

ihsan perniagaan.....32

C

tunai..... 19, 34

peluang komersial 18

maklumat syarikat16, 17, 21, 22, 23, 42

bersaing/persaingan/pesaing17, 18, 19, 20, 25, 33, 36, 37, 41

aduan/aduan produk..... 12, 13, 42

komputer/komputer riba16, 17, 23

sulit..... 12, 20, 21, 22, 23, 25, 27, 29, 36, 37, 41, 46, 47

konflik kepentingan17, 18, 19, 20

perundingan 18, 20

kontraktor 7, 18, 19, 29, 33

hak cipta 37

pelanggan/penyedia penjagaan kesihatan3, 8, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 22, 23, 24, 26, 29, 31, 32, 34, 35, 37, 39, 40

D

dedah/pendedahan..... 7, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 36, 40, 41, 48

diskaun33

diskriminasi 15

pengedar7, 29, 33

kepelbagaian 2, 15

dokumen16, 21, 23, 25, 36

ubat.....26

E

e-mel.....16, 17, 21, 23, 25, 29, 51

alam sekitar 2, 10, 15, 11, 16, 28, 29, 30, 37, 39

eksport.....39, 43

F

persaingan adil36

kepentingan kewangan 18

barangan percuma33

G

hadiah.....18, 19, 34

kerajaan13, 26, 31, 32, 34, 35, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 47, 48

H

perhubungan pelanggan.....32

tanggungjawab sosial korporat.....37

H

gangguan 15

penyedia penjagaan kesihatan/pelanggan3, 8, 13, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 22, 23, 24, 26, 29, 31, 32, 34, 35, 37, 39, 40

import39, 43

orang yang tidak layak 40

perdagangan orang dalam harta intelek37

penyasatan.....9, 10, 26, 41, 45, 47, 48

K

sogokan/rasuah..... 33, 34, 35

M

arahan pembuatan..... 12

maklumat bukan awam penting 41

makanan..... 19, 32

media..... 27, 39, 42

O

menyinggung perasaan acara luar tapak 14

P

paten.....37

kerja sambilan..... 18, 20

gaji/bayaran..... 18, 25, 32, 33, 34, 35

sumbangan politik..... 44

privasi..... 24, 50

Q

kualiti..... 12, 33, 36, 37, 39

R

rebat.....33

rekod26

bertindak balas/tindakan balas 9, 10, 47,

S

keselamatan..... 28, 40

bahan jualan/pemasaran32

kerja kedua/sambilan 18, 20

sekuriti17, 22, 23, 25, 28, 29, 46

topik sensitif36

saham/dagangan saham ... 20, 21, 39, 41

subpoena42

pembekal.....2, 7, 19, 20, 22, 33

T

pihak ketiga21, 31, 33, 41

tip 41

nama dagangan/tanda dagangan sekatan dagangan.....43

rahsia dagangan.....37

latihan 9, 12, 48

V

vendor..... 7, 18, 19, 20, 29, 31

W

pengecualian7



This image shows a full page of blank, lined paper. It features approximately 20 evenly spaced horizontal gray lines across the entire width of the page, providing a guide for handwriting or typing. The background is a clean, off-white color.



Boston Scientific Corporation
300 Boston Scientific Way
Marlborough, MA 01752
www.bostonscientific.com

Hak cipta © 2019 oleh Boston Scientific Corporation
atau gabungannya. Hak cipta terpelihara.

10/18